



Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2024

UITM KAMPUS KUALA PILAH

PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

KETUA PTJ :

YAMIN BIN YASIN

KETUA UNIT KUALITI :

PENYELARAS :

NUR JIHAN BINTI MD JOHAN

PENULIS :

1. NUR JIHAN BINTI MD JOHAN
2. NUR JIHAN BINTI MD JOHAN
3. NUR NADIA BINTI DZULKIFLI
4. NUR NADIA BINTI DZULKIFLI
5. SITI HIDAYAH BINTI MUHAD SALEH
6. SITI HIDAYAH BINTI MUHAD SALEH
7. MOHD FAISAL BIN MD NOOR

8. KHAIROLIZWAN BIN HARRY
9. ZAIDATULHUSNA BINTI MOHD ISNANI
10. IRMA BINTI AHMAD
11. IRMA BINTI AHMAD
12. RAJA MAYANG DELIMA BINTI MOHD BETA
13. NORANI BINTI AMIT
14. NURUL NISHA BINTI MOHD SHAH
15. NORDAYANA BINTI ZULKIFLI
16. AIN ZULAIKHA BINTI ABD RAHIM
17. NORWATI BT HJ. ROSLIM
18. NORWATI BT HJ. ROSLIM
19. SAZLYRA BINTI MOHD ARSHAD
20. SAZLYRA BINTI MOHD ARSHAD
21. SAZLYRA BINTI MOHD ARSHAD
22. MUHAMMAD ZULQARNAIN BIN MOHD NASIR
23. SRI YUSMAWATI BINTI MOHD YUNUS
24. NOR FADHLIN BINTI JAAFAR
25. NOR FADHLIN BINTI JAAFAR
26. ASLIZAH BINTI MOHD ARIS
27. NURAIN BINTI AZIMAN
28. NURAIN BINTI AZIMAN
29. NURUL KAMALIA BINTI YUSUF
30. NUR HIDAYAH BINTI MOHD RAZALI
31. NUR AMALINA BINTI SHAFIE
32. TUAN NORHAFIZAH BINTI TUAN ZAKARIA
33. NORFARHANA BINTI ZULKIFLI
34. MOHD SHAHRIL BIN MOHD SANI
35. SITI NAFISAH BINTI MD RASHID
36. KU NURUL ATIQA BINTI KU AHAMAD
37. KU NURUL ATIQA BINTI KU AHAMAD

38. NORNADIAH BINTI MOHD RAZALI
39. MOHAMMAD NASRUL ASHRAF BIN ABDUL MALIK
40. KHAIRENUR HUDA BINTI OMAR
41. MOHD AZIZUL BIN MOHD NOR
42. SAZLYRA BINTI MOHD ARSHAD

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepimpinan Kanan UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) yang diterajui oleh Rektor dibantu oleh tiga Timbalan Rektor dan juga dua Penolong Rektor. Timbalan-Timbalan Rektor mempunyai portfolio yang berlainan manakala Penolong Rektor berperanan sebagai wakil Kepimpinan Kanan di kampus *PFI* Seremban 3 dan Rembau. Teraju Kepimpinan Kanan UiTMCNS berjaya membentuk sebuah pasukan yang utuh yang dinamik dalam menerajui UiTMCNS.

Bagi mendokong aspirasi, Misi serta Visi UiTM, Kepimpinan Kanan UiTMCNS mengambil langkah efektif dalam memastikan pengurusan kampus bergerak selari dalam keberhasilan pembangunan pelajar dan sentiasa memastikan progress dipantau dengan teliti. Sokongan penuh Kepimpinan Kanan dari seluruh warga UiTMCNS, adalah tunjang utama bagi misi ini dicapai. Visi, Misi serta Nilai UiTMCNS telah ditetapkan melalui beberapa siri mesyuarat serta perbincangan. Maklumat-maklumat ini seterusnya didokumenkan bagi tujuan semakan serta rujukan.

Bermula dengan perancangan strategik adalah panduan utama oleh kepimpinan UiTMCNS untuk memastikan teras strategik universiti tercapai. **Perancangan** ini dibuat secara menyeluruh di setiap peringkat pengurusan. Penetapan teras *Globally Marketable* menuju ke arah *Globally Renowed Locally Rooted*, sebagai objektif strategik menuju ke pelaksanaan inisiatif strategik berjaya mencapai hasil yang signifikan. Perancangan terperinci bagi setiap usaha UiTMCNS secara strateginya mempunyai signifikan terhadap sasarannya. Informasi dari setiap peringkat dan sudut dikaji dan diberi keutamaan yang teliti bagi memastikan ianya tercapai. Dalam perancangan pelan tindakan setiap inisiatif, kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman dinilai berdasarkan kaedah *SWOT analysis* mengikut potensi risiko kebolehpapaian sasaran yang telah dikenalpasti. Pelan tindakan yang dikenalpasti relevan akan melalui proses semakan inisiatif secara berkala untuk mencapai objektif startegi.

Pelaksanaan strategi adalah secara berkomunikasi antara dua hala dalam setiap perancangan yang dilakukan dengan memberi penekanan yang tinggi dari pihak kepimpinan UiTMCNS. Bermula dengan penyebaran maklumat tentang perancangan strategik kepada semua warga UiTMCNS bertujuan untuk memberi pemahaman kepada semua warga tentang hala tuju UiTMCNS seperti yang dirancang dan mencapai matlamatnya. Pihak pengurusan UiTMCNS berganding bahu bersama Unit Perancangan Strategik dan disebarluaskan kepada semua ketua bahagian dan unit dalam pelbagai usaha bagi mencapai objektif yang dirancang. Menerusi misi, visi dan nilai UiTMNS pada dasarnya dihebahkan mengikut kepada bahagian-bahagian tertentu termasuklah melalui pembentangan dalam Mesyuarat Kajisemula Pengurusan (MKSP), dan Mesyuarat Data Petujuk Prestasi (*PI*) UiTMCNS. Seterusnya disebarluaskan sebagai pemakluman kepada semua bahagian/jabatan/unit/fakulti sebagai petunjuk dalam manual kualiti UiTMCNS.

Pemantauan terhadap inisiatif strategik UiTMCNS yang dirancang dan diluluskan akan melalui proses pemantauan dan kemaskini progress bagi mengatasi setiap isu-isu yang berbangkit serta mengenalpasti tindakan pembedahan dan penambahbaikan dari peringkat awal. Ini dijalankan melalui pelaporan bulanan di peringkat bahagian/jabatan/unit dan dibentangkan dalam MPE dan JKEN. Setiap bahagian/jabatan/unit di UiTMCNS akan menjalankan proses kajian semula pelan tindakan sekiranya terdapat masalah dengan pelan tindakan, perubahan akan dibuat dan tindakan penambahbaikan dijalankan untuk memastikan inisiatif strategi boleh dilaksanakan untuk mencapai objektif strategik yang telah dirancang. Selain itu, pemantauan juga dijalankan melalui sistem aduan dan maklum balas pelanggan dalam mengenal pasti dan mengambil tindakan bagi mencari punca dan faktor setiap isu yang berbangkit. Jesteru itu, arahan **tindakan penambahbaikan** dan pembedahan bagi setiap perancangan UiTMCNS akan dilaksanakan serta merta oleh pegawai bertanggungjawab melalui arahan tindakan di dalam MPD, MPE dan MKSP.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pada teks amanat naib canselor tahun 2023, UiTM tertumpu kepada *Globally Marketable* dan sebagai persediaan ke *Globally Respected* (2024) untuk menuju ke arah *Globally Renowned Locally Rooted* (2025) seperti di Rajah 1.2.1 (UiTMCNS_1.2.a), sejajar dengan Pelan Strategik 2025 iaitu *Globally Renowned University (GRU)* seperti di Rajah 1.2.2 (UiTMCNS_1.2.a) dan seterusnya membolehkan Malaysia bersaing di peringkat global mengikuti Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) seperti di Rajah 1.2.3 (UiTMCNS_1.2.b).

Bagi mendukung Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) secara amnya, serta aspirasi, visi dan misi UiTM secara khususnya, kepimpinan kanan UiTMCNS telah mengambil beberapa langkah yang efektif dalam memastikan keselarasan gerak kerja ketiga-tiga kampus UiTMCNS (Kuala Pilah, Seremban dan Rembau) untuk memastikan kecemerlangan di dalam pengurusan akademik agar bidang pembangunan pelajar dapat dipantau dengan teliti serta mencapai keberhasilan seperti di Rajah 1.2.4 (UiTMCNS_1.2.b).

Slaid Amanat Rektor UiTMCNS 2023 tertera dengan jelas bahawa melonjakkan kebolehpasaran pelajar ke peringkat global merupakan salah satu daripada enam tonggak utama inisiatif mencapai kebolehpasaran global seperti di Rajah 1.2.5 (UiTMCNS_1.2.c).

Rajah 1.2.6 (UiTMCNS_1.2.d) menunjukkan fokus Bahagian Hal Ehwal pelajar (BHEP) yang merangkumi 10 unit bagi memastikan penglibatan pelajar dalam program kepimpinan dan khidmat masyarakat di peringkat nasional dan antarabangsa seperti di Rajah 1.2.7 (UiTMCNS_1.2.d) sejajar dengan slogannya iaitu **#championstudents** dengan pendekatan jana dan jimat seperti di Rajah 1.2.8 dan Rajah 1.2.9 (UiTMCNS_1.2.d) berdasarkan kekuatan program daripada ketiga-tiga kampus UiTMCNS.

Kepimpinan kanan UiTMCNS telah melantik 6 orang pengarah projek yang bertanggungjawab dalam menyelaraskan dan melapor aktiviti yang dirancang di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang meliputi Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (BPJIM&A), Pejabat Pentadbiran, Pejabat Bendahari dan Bahagian Pengurusan Fasiliti. Pendekatan kepimpinan kanan UiTMCNS dalam menyelaraskan gerak kerja di kesemua kampus UiTMCNS bagi menggerakkan bidang tumpuan **pengurusan dan pembangunan pelajar** adalah melalui penetapan 12 *PI* kepada BHEP berdasarkan Bengkel Pelan Tindakan Strategik Petunjuk Prestasi (*PI*) tahun 2023 UiTMCNS. Pengurus projek telah dilantik untuk 2 projek inisiatif utama iaitu **SENI STAGE** (Student Talent Global Excellent) dan **SENI GOAL** (Global Future Leader) seperti di Jadual 1.2.1 dan Jadual 1.2.2 (UiTMCNS_1.2.e).

SENARAI BUKTI:

1. [K0083_K01_KB02_20241_UiTM CNS_1.2.a Kepimpinan.pdf](#)
2. [K0083_K01_KB02_20242_UiTM CNS_1.2.b Kepimpinan.pdf](#)
3. [K0083_K01_KB02_20243_UiTM CNS_1.2.c Kepimpinan.pdf](#)
4. [K0083_K01_KB02_20244_UiTM CNS_1.2.d Kepimpinan.pdf](#)
5. [K0083_K01_KB02_20245_UiTM CNS_1.2.e Kepimpinan.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kepimpinan kanan UiTMCNS telah menggunakan pelbagai pendekatan komunikasi bersama warga UiTMCNS seperti laman sesawang, *Whatsapp*, *Facebook* dan emel. Seiring dengan fokus UiTMCNS 2023 iaitu **pengurusan dan pembangunan pelajar**, BHEP telah melantik Encik Mohd Shahril Mohd Sani mengetuai Unit Kebudayaan seperti di Rajah 1.3.1 dan Rajah 1.3.2 (UiTMCNS_1.3.a).

BHEP telah mewujudkan pelbagai program di bawah 2 projek inisiatif utama iaitu **SENI GOAL** dan **SENI STAGE** mengikut tema “**Kebudayaan, Kesenian dan Warisan**” bersama agensi luar yang turut melibatkan pelajar, kakitangan dan komuniti setempat. **SENI STAGE** adalah program di peringkat kebangsaan seperti penganjuran Pesta Bola Program Perhimpunan Kawasaki 1400 GTR, *Global Outreach Program (GOP)*, Pertandingan Seni Warisan Budaya Randai, Sayembara Randai dan Sambutan Hari Merdeka Peringkat Negeri Sembilan. Program di peringkat antarabangsa adalah dalam kategori **SENI GOAL** seperti Pesta Budaya Nusantara, *Seremban International Folk Fest*, Program Sukarelawan Hatyai dan Surabaya Uni Hasyim Asyaari seperti di Rajah 1.3.3 (UiTMCNS_1.3.b).

Oleh yang demikian BHEP UiTMCNS telah bekerjasama dengan pelbagai **agensi luar** antaranya:

1. Radio Televisyen Malaysia (RTM) bagi Program Pertandingan Seni Warisan Randai 2023 seperti di Rajah 1.3.4 dan Rajah 1.3.5 (UiTMCNS_1.3.c)
2. Majlis Bandaraya Seremban (MBS) bagi *Seremban Folk Fest* seperti di Rajah 1.3.6 (UiTMCNS_1.3.d)
3. Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) bagi Pesta Budaya Nusantara sempena Tahun Melawat Ipoh seperti di Rajah 1.3.7 (UiTMCNS_1.3.e)

Penganjuran program ini telah bertindak sebagai platform pelajar UiTMCNS yang mengekspresikan bakat professional, komunikasi berkesan dalam pasukan yang dinamik tinggi. Keterlibatan pelajar daripada 3 kampus UiTMCNS iaitu Kampus Kuala Pilah, Seremban dan Rembau juga sejajar dengan usaha MBS memperindahkan dan mempromosikan produk pelancongan terbaru di Negeri Sembilan ini dan meningkatkan jumlah pengunjung dan memberi pendedahan mengenai Taman Malaysia kepada pengunjung tempatan dan pelancong luar.

SENARAI BUKTI :

1. [K0083_K01_KB03_20241_UiTMCNS_1.3.a Kepimpinan.pdf](#)
2. [K0083_K01_KB03_20242_UiTMCNS_1.3.b Kepimpinan.pdf](#)
3. [K0083_K01_KB03_20243_UiTMCNS_1.3.c Kepimpinan.pdf](#)
4. [K0083_K01_KB03_20244_UiTMCNS_1.3.d Kepimpinan.pdf](#)
5. [K0083_K01_KB03_20245_UiTMCNS_1.3.e Kepimpinan.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi merealisasikan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirangka, bermula dari Aspirasi Nasional – **MADANI**, PPM 2015-2025, **UiTM 2025 (GRU)**, Agenda Utama RMK-12 UiTM, Nilai UiTM, *KPI* dan Amanat Naib Canselor di Rajah 1.4.1.1 hingga Rajah 1.4.1.3 (UiTMCNS_1.4.1.a Kepimpinan), kepimpinan kanan UiTMCNS telah mengambil inisiatif menerusi pelantikan **enam** orang pengarah projek meliputi BHEA, BHEP, BPJIM&A, Pejabat Pentadbiran, Pejabat Bendahari dan Bahagian Pengurusan Fasiliti yang bertanggungjawab dalam menyelaras dan melapor aktiviti yang telah dirancang. Bukti surat lantikan bagi pasukan peneraju *PI* UiTMCNS disertakan di Rajah 1.4.1.4 (UiTMCNS_1.4.1.a Kepimpinan).

UiTMCNS turut melaksanakan Bengkel Perancangan Pelan Tindakan Strategik (**SAP**) UiTMCNS dengan bertujuan bagi menyokong **enam pelan inisiatif UiTM 2023** yang diselaraskan bersama **hala tuju UiTMCNS 2023** di dalam Amanat Rektor UiTMCNS 2023 pada bulan Februari 2023. Melalui enam pelan inisiatif UiTM 2023 ini, ia dinyatakan agar universiti melonjakkan kebolehpasaran pelajar UiTM ke peringkat global serta meningkatkan penglibatan aktif universiti bersama industri dan komuniti. Sehubungan dengan itu, UiTMCNS turut menyokong melalui hala tuju di Rajah 1.4.1.5 (UiTMCNS_1.4.1.a Kepimpinan) melalui **tonggak kedua** iaitu pelajar bumiputera bitara yang diiktiraf dunia serta **tonggak kelima** melalui penglibatan aktif bersama industri, komuniti dan pihak berkuasa atau agensi kerajaan. Melalui Rajah 1.4.1.6 (UiTMCNS_1.4.1.b Kepimpinan), *PI* 2023 diselaraskan dengan teras dan inisiatif strategik serta tonggak UiTM.

Rajah 1.4.1.7 (UiTMCNS_1.4.1.c Kepimpinan) menunjukkan ringkasan **pelan pemantauan umum** yang telah dilaksanakan oleh kepimpinan kanan UiTMCNS bagi bidang tumpuan utama 2023. Dari ringkasan pelan pemantauan umum ini, strategi pemantauan kepimpinan kanan UiTMCNS dinyatakan seperti di dalam Jadual 1.4.1.1 (UiTMCNS_1.4.1.c Kepimpinan). Dari jadual ini, strategi dan mekanisme dinyatakan sebagai pemantauan kepimpinan kanan UiTMCNS. STU UiTMCNS berperanan bagi memantau serta mengakses sistem UISMS, UePMO dan *PowerBI Dashboard* bagi memperolehi data *PI* dan seterusnya membuat pelaporan pencapaian data *PI*. Ia dibentangkan secara berkala di Mesyuarat Data Petunjuk Prestasi (*PI*) dan secara tahunan di Mesyuarat JKEN. Penyelaras STU UiTMCNS juga akan senantiasa memberi peringatan mesra kepada setiap pengarah dan pengurus projek melalui emel bagi pengemaskinian status projek *SAP* di dalam sistem UISMS, memantau peratus pencapaian *PI* secara bulanan serta peratus pencapaian UiTM skor secara berkala seperti di Rajah 1.4.1.8 (UiTMCNS_1.4.1.d Kepimpinan) serta Rajah 1.4.1.9 hingga 1.4.1.10 (UiTMCNS_1.4.1.e Kepimpinan).

SENARAI BUKTI:

1. [K0083_K01_KB04_KC01_20241_UiTMCNS_1.4.1.a_Kepimpinan.pdf](#)
2. [K0083_K01_KB04_KC01_20242_UiTMCNS_1.4.1.b_Kepimpinan.pdf](#)
3. [K0083_K01_KB04_KC01_20243_UiTMCNS_1.4.1.c_Kepimpinan.pdf](#)
4. [K0083_K01_KB04_KC01_20244_UiTMCNS_1.4.1.d_Kepimpinan.pdf](#)
5. [K0083_K01_KB04_KC01_20245_UiTMCNS_1.4.1.e_Kepimpinan.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Secara amnya, risiko adalah penyebab utama ketidakpastian dalam organisasi terhadap pencapaian sesuatu inisiatif di mana ianya boleh ditangani melalui perancangan awal. Oleh itu, kepimpinan kanan UiTMCNS sentiasa berusaha sedaya upaya untuk mengenal pasti, menilai dan menganalisis sebarang faktor yang boleh memberi ancaman atau peluang kepada sebarang usaha dalam pelaksanaan projek inisiatif UiTMCNS bagi tahun 2023.

Kepimpinan kanan UiTMCNS telah mengenalpasti risiko pelan pemantauan pencapaian *PI* yang telah dilaksanakan bagi bidang tumpuan **pengurusan dan pembangunan pelajar** bagi mengekalkan **#championstudents**. Dokumen Panduan Pengguna Modul *Strategic Action Plan (SAP)*, seperti yang disertakan di dalam Rajah 1.4.2.1 (UiTMCNS_1.4.2.a) dijadikan sebagai panduan bagi UiTMCNS dalam menguruskan risiko bagi dua projek inisiatif utama bagi bidang tumpuan pengurusan dan pembangunan pelajar bertemakan **kebudayaan, kesenian dan warisan**.

Bagi projek inisiatif yang telah ditetapkan, beberapa risiko telah dikenalpasti melalui sistem UiSMS. Bagi aktiviti di bawah **Seni GOAL**, ia terdiri dari aktiviti *Global Volunteer Mission to Indonesia*, Misi Kesukarelawan ke Songkhla, Thailand dan Mobiliti dan Jaringan Pendidikan Antarabangsa di Bandung, Indonesia. Antara risiko yang dikenalpasti adalah kegagalan aktiviti bagi pelaksanaan strategi komunikasi dan perhubungan lokal dan antarabangsa yang mencukupi dan kegagalan bagi melaksanakan strategi yang berkesan bagi kebolehpasaran pelajar, seperti yang dipaparkan di Rajah 1.4.2.2 (UiTMCNS_1.4.2.b).

Seterusnya, di bawah **Seni STAGE**, beberapa aktiviti telah dikenalpasti risiko seperti di dalam Rajah 1.4.2.3 (UiTMCNS_1.4.2.b), antaranya adalah Bicara Tokoh, Program Kepimpinan MADANI dan Kursus Kepimpinan bersama Pemimpin Minggu Destini Siswa. Risiko yang dikenalpasti bagi **Seni STAGE** adalah tidak dapat mengekalkan pelajar yang berkualiti tinggi, kegagalan dalam mencapai sasaran enrolmen pelajar yang menyertai aktiviti tersebut serta kegagalan bagi melaksanakan strategi yang berkesan bagi kebolehpasaran pelajar.

Setiap risiko yang dikenalpasti dari sistem UISMS, akan dikategori mengikut kategori risiko, kemungkinan berlaku, kesan, tahap risiko, tindakan mitigasi serta tindakan yang perlu dikenalpasti oleh pengarah projek. Ini dapat dilihat di Rajah 1.4.2.4 (UiTMCNS_1.4.2.c).

Bagi memastikan risiko yang dikenalpasti dapat diselesaikan, STU memastikan setiap pengarah projek membentangkan laporan projek inisiatif tahun 2023 di Mesyuarat Data *PI* UiTMCNS bilangan 1/2023 dan bilangan 2/2023, seperti dilampiran di Rajah 1.4.2.5 dan Rajah 1.4.2.6 (UiTMCNS_1.4.2.d). Hasil pembentangan akan diminitkan di dalam Minit Mesyuarat Data *PI* UiTMCNS di Rajah 1.4.2.7 (UiTMCNS_1.4.2.e).

SENARAI BUKTI :

1. [K0083_K01_KB04_KC02_20241_UiTMCNS_1.4.2.a_Kepimpinan.pdf](#)
2. [K0083_K01_KB04_KC02_20242_UiTMCNS_1.4.2.b_Kepimpinan.pdf](#)
3. [K0083_K01_KB04_KC02_20243_UiTMCNS_1.4.2.c_Kepimpinan.pdf](#)
4. [K0083_K01_KB04_KC02_20244_UiTMCNS_1.4.2.d_Kepimpinan.pdf](#)
5. [K0083_K01_KB04_KC02_20245_UiTMCNS_1.4.2.e_Kepimpinan.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan kanan UiTMCNS sentiasa **optimis** memberi dorongan dan sokongan berbentuk pemakluman dan peringatan yang berterusan terhadap semua warganya untuk melibatkan diri secara proaktif di dalam aktiviti pembangunan pelajar yang memfokuskan kepada aspek kepimpinan. Justeru itu, penilaian keberkesanan aktiviti dibuat setelah sesuatu aktiviti pembangunan pelajar selesai dijalankan. Ini secara amnya dapat menilai pencapaian *KPI* yang telah ditetapkan. Di peringkat BHEP UiTMCNS, hasil pengurusan dan prestasi dinilai berdasarkan pelaporan pencapaian *KPI* BHEP. Melalui pelaporan tersebut, kepimpinan kanan dapat menilai dan merangka beberapa perancangan di masa hadapan untuk memantapkan lagi aktiviti bidang **pembangunan pelajar** yang memfokuskan kepada aspek kepimpinan termasuklah pembentangan di dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) seperti dilampirkan di Rajah 1.4.3.1 (UiTMCNS_1.4.3.a).

Penambahbaikan bagi setiap proses kerja pula dilaksanakan bagi memastikan kelancaran pelaksanaan aktiviti pembangunan pelajar di masa hadapan. Proses kajian semula dan tindakan penambahbaikan yang diamalkan di UiTMCNS adalah berdasarkan pembentangan setiap PTJ dalam Mesyuarat Data Petunjuk Prestasi (*PI*) - Projek Inisiatif Tahun 2023 yang diadakan tiga kali setahun juga merupakan sumber rujukan dan penilaian terhadap kepimpinan kanan UiTMCNS yang dijalankan secara berkala. *KPI* yang ditetapkan adalah sebagai tunjang dan matlamat kepada barisan kepimpinan kanan UiTMCNS. Kajian semula dan tindakan penambahbaikan dengan menilai tahap progress setiap projek inisiatif strategik mengikut petunjuk prestasi serta peratusan capaian *PI* di Rajah 1.4.3.2 (UiTMCNS_1.4.3.b).

Rancangan mitigasi yang diambil dengan menyenaraikan potensi aktiviti yang bakal dan telah diadakan bagi projek **STAGE** termasuklah menyenaraikan penambahbaikan dengan menyertai *State Esport Competition* dan rangkaian hubung baik (*networking*) bersama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN). Selain itu, UiTMCNS juga terlibat dalam menganjurkan program bagi memenuhi *KPI*, antaranya program inovasi dan kursus kepimpinan mahasiswa (di Rajah 1.4.3.3 (UiTMCNS_1.4.3.c)).

Manakala bagi projek **GOAL**, BHEP UiTMCNS melaksanakan program bersama pelajar dan NGO Antarabangsa bagi memenuhi keperluan komuniti dan pelajar melalui program-program SULAM. Disamping itu, BHEP UiTMCNS turut melaksanakan aktiviti kesukarelawanan pelajar yang menyumbang kepada persekitaran dan komuniti serta membantu pelajar mengembangkan potensi *global networking* melalui aktiviti dan pendedahan diperingkat antarabangsa. Contohnya Misi Kesukarelawan ke Indonesia dan *Student Delegation to ASEAN Country* (di Rajah 1.4.3.4 (UiTMCNS_1.4.3.c) dan Rajah 1.4.3.5 (UiTMCNS_1.4.3.d)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0083_K01_KB04_KC03_20241_UiTMCNS_1.4.3.a Kepimpinan.pdf](#)
2. [K0083_K01_KB04_KC03_20242_UiTMCNS_1.4.3.b Kepimpinan.pdf](#)
3. [K0083_K01_KB04_KC03_20243_UiTMCNS_1.4.3.c Kepimpinan.pdf](#)
4. [K0083_K01_KB04_KC03_20244_UiTMCNS_1.4.3.d Kepimpinan.pdf](#)
- 5.

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan kanan UiTMCNS memfokuskan setiap tindakan dalam mencapai visi dan misi serta hala tuju kampus terutamanya di dalam bidang tumpuan pembangunan pelajar melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sukarelawan. Selain itu, merujuk kepada Rajah 1.4.1.1 (UiTMCNS_1.4.1.a) jelas menunjukkan kepemimpinan kanan UiTMCNS adalah berpaksikan kepada panduan perancangan strategik dari UiTM Induk iaitu **UiTM 2025 (GRU)** serta pelaksanaan mengikut kepada proses.

Di peringkat BHEP UiTMCNS, hasil pengurusan serta prestasi dinilai berdasarkan kepada pelaporan *KPI* HEP dalam memantapkan lagi aktiviti pembangunan pelajar dengan memberi galakan dan sokongan padu. Ini dapat dilihat dalam salah satu inisiatif yang telah memberi impak besar kepada UiTMCNS termasuk projek **industri kreatif** seperti **Seni STAGE** dan **Seni GOAL** yang memberi manfaat kepada pelajar-pelajar UiTMCNS dalam keterlibatan program-program bersama industri dan agensi kerajaan, antaranya Majlis Bandaraya Seremban (MBS), Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan RTM. Ini sebagai persediaan mereka menghadapi cabaran kepemimpinan sebenar di dalam sektor pekerjaan di masa akan datang, Rajah 1.5.1 (UiTMCNS_1.5.a). Integrasi penglibatan mahasiswa/ pelajar UiTMCNS dalam projek industri kreatif ini adalah sebagai medan kritikal dalam membentuk graduan yang bukan sahaja berilmu tetapi juga berketerampilan dan berwawasan. Ini akan menyumbang kepada pembangunan modal insan yang kompeten, berdaya saing, dan bersedia menghadapi cabaran masa depan, dilampirkan di Rajah 1.5.2 (UiTMCNS_1.5.b) dan Rajah 1.5.3 (UiTMCNS_1.5.c).

Ia turut menyediakan platform bagi pelajar menyumbangkan idea dan tenaga dalam membantu menyelesaikan isu-isu masyarakat melalui pendekatan yang berstruktur dan sistematik. UiTMCNS melihat aktiviti projek **industri kreatif** ini menjadi medan integrasi antara mahasiswa pelajar universiti dengan pihak luar dan ia boleh meningkatkan kedudukan universiti di mata dunia. Ianya menjadi satu platform dalam mempromosikan UiTM sebagai satu institusi pendidikan yang cemerlang tetapi juga sebagai pusat inovasi dan penyelidikan yang relevan dengan keperluan dan cabaran global semasa serta penjana pendapatan secara keseluruhannya, di Rajah 1.5.4 (UiTMCNS_1.5.d). Selain itu, interaksi bersama industri dan agensi luar dapat membantu UiTM dan UiTMCNS menyesuaikan kurikulum dengan keperluan pasaran serta perkembangan terkini di dalam bidang sains dan teknologi dan dapat memastikan bahawa program pengajian yang ditawarkan relevan dan terkini, bukan sahaja menarik minat pelajar tempatan tetapi juga antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [K0083_K01_KB05_20241_UiTMCNS_1.5.a Kepimpinan.pdf](#)
2. [K0083_K01_KB05_20242_UiTMCNS_1.5.b Kepimpinan.pdf](#)
3. [K0083_K01_KB05_20243_UiTMCNS_1.5.c Kepimpinan.pdf](#)
4. [K0083_K01_KB05_20244_UiTMCNS_1.5.d Kepimpinan.pdf](#)
- 5.

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pendekatan **Perancangan (P)**, **Pelaksanaan (D)**, **Pemantauan (C)**, **Penambahbaikan (A)** dan komunikasi berkesan dua hala (*top-down* dan *bottom-up*) telah dipraktikkan sepanjang 2023. Pelan Tindakan Strategik 2023 (SAP UiTM CNS 2023) berpandu kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12), Pelan Strategik UiTM 2025, Amanat Naib Canselor 2023, dan Amanat Rektor UiTM CNS 2023 (**P**). Rektor selaku peneraju utama projek inisiatif telah menerajui Bengkel Perancangan Strategik 2023 telah mengagihkan 78 Petunjuk Inisiatif (*PI*) kepada enam (6) pengarah projek daripada enam (6) bahagian: BHEA (18 *PI*), BHEP (12 *PI*), BPJIM&A (31 *PI*), Pejabat Bendahari (2 *PI*), Pejabat Pentadbiran (12 *PI*), dan Bahagian Pengurusan Fasiliti (3 *PI*). Kesemua *PI* dipertanggungjawabkan kepada 14 pasukan projek inisiatif (kaedah *top-down*).

Daripada 78 *PI* keseluruhan, 12 *PI* yang melibatkan tujuhan pengurusan dan pembangunan pelajar kepada BHEP (**D**). Seiring dengan bidang tujuhan ini, elemen kemenjadian pelajar dan transformasi pengurusan melalui integrasi dasar jana dan jimat (2J) telah ditekankan bagi mengadaptasi kekangan kewangan semasa. Pensejajaran 12 *PI* BHEP dipetakan kepada Model Pembangunan Pelajar UiTM CNS 2023, dan projek inisiatif utama dibahagikan kepada dua kluster projek: (1) UiTM CNS_04 STAGE (*Student Talent Global Excellence*) dan (2) UiTM CNS_05 GOAL (*Global Future Leader*). Pelan Tindakan Strategik BHEP 2023 ini dibentangkan dan diluluskan sewaktu Bengkel Perancangan Strategik UiTM CNS 2023. Pelaksanaan dua kluster projek BHEP diselia oleh pasukan projek inisiatif. Dua kluster projek ini dikembangkan kepada projek industri kreatif SENI GOAL (peringkat antarabangsa) dan SENI STAGE (peringkat tempatan) yang diselia oleh unit kebudayaan. Tumpuan keberhasilan adalah untuk menggilap bakat pelajar dan meningkatkan potensi rakan strategik. Dua projek ini berjaya meningkatkan penglibatan mereka di peringkat tempatan mahupun antarabangsa, dan menjana pendapatan kepada UiTM CNS.

Kaedah pemantauan (**C**) secara *bottom-up* memfokuskan kepada dua aspek: (1) pemantauan prestasi data *PI*, dan (2) pemantauan prestasi projek SAP. Laporan prestasi data *PI* dan kemajuan SAP dipantau, dan disemak oleh Rektor UiTM CNS dengan bantuan Unit Strategik Transformasi Universiti (STU) UiTM CNS. Laporan kemajuan dibentangkan di Mesyuarat JKEN dan Mesyuarat Data Petunjuk Prestasi (*PI*) - Projek Inisiatif untuk makluman dalaman. Pencapaian data prestasi dianalisa melalui mekanisme pemantauan WeMeasure@UiTM CNS. Analisa data mengikut bahagian disebarluaskan kepada pasukan projek melalui emel dan kumpulan *WhatsApp*. Pelaporan prestasi data *PI* dilaksanakan menggunakan platform UePMO dan UiSMS, dan prestasi keseluruhan pencapaian dilaporkan secara bulanan melalui PowerBI dashboard Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Prestasi pencapaian dibentangkan mengikut sukuan pelaporan oleh pihak BTU.

Risiko 14 projek inisiatif telah dikenalpasti (**A**) dan didaftarkan melalui sistem UiSMS. Tindakan penambahbaikan dan pencegahan untuk *PI-PI* yang tidak menunjukkan prestasi yang baik dilaporkan di dalam Mesyuarat Data Petunjuk Prestasi (*PI*) - Projek Inisiatif. Tiga tindakan pelan mitigasi telah dikenalpasti oleh BHEP iaitu: (1) *reduction or control*; (2) *avoidance*; and (3) *acceptance*. Tindakan mitigasi turut dibincangkan sewaktu mesyuarat agar tindakan penambahbaikan dapat diambil. Melalui kaedah PDCA ini, perancangan strategik UiTM CNS berjaya memperolehi kecemerlangan dalam pencapaian i-UiTM Score dengan penarafan enam bintang bagi 4 tahun berturut-turut (2020-2023). Kecemerlangan ini membuktikan UiTM CNS komited dalam menyokong *Globally Renowned University (GRU) 2025 UiTM*. Keberhasilan dalam mewujudkan transformasi kecemerlangan di kalangan warga UiTM CNS dan kebersamaan rakan strategik daripada luar UiTM amat membanggakan.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCNS menggalas 78 *PI* pada tahun 2023, meningkat sebanyak 12 *PI* (18.2%) berbanding 66 *PI* pada tahun 2022. Perancangan strategik (**P**) dimantapkan dengan inisiatif awal melalui sesi libat urus bersama BTU pada 28 September 2022 di UiTM Seremban dan Rembau seperti di Rajah 2.2.1 hingga Rajah 2.2.3 (UiTMCNS_2.2.a). Pemurnian *SAP* UiTMCNS 2023 diadakan pada 11-13 November 2022 di Hotel UiTM Terengganu seperti di Rajah 2.2.4 hingga Rajah 2.2.6 (UiTMCNS_2.2.b). Keterlibatan semua ketua bahagian/unit, dan pentadbir akademik dalam *SAP* UiTMCNS 2023 ini adalah untuk memastikan pelan tindakan strategik dirangka secara komprehensif dan inklusif.

Intipati *SAP* UiTMCNS 2023 menyokong visi, misi, dan objektif UiTM serta *GRU 2025*, dan juga KPT. Pelan tindakan ini diselaraskan semula dengan *Outcome-Based Budget (OBB)* KPT 2023, dan Malaysia MADANI. Pelarasan ini dibentangkan dalam Mesyuarat Data Petunjuk Prestasi (*PI*) - Projek Inisiatif pada 16 Jun 2023. Sebanyak 14 projek inisiatif, mencakupi 78 *PI*, dan didelegasikan kepada 6 penggerak utama iaitu BHEA, BHEP, BPJIM&A, Bahagian Pentadbiran, Bahagian Bendahari dan Bahagian Pengurusan Fasiliti (**D**).

Pengurusan tertinggi UiTMCNS menunjukkan kecekapan dalam mengelola seramai 11,902 pelajar daripada 24 program pengajian di 8 buah fakulti/pusat pengajian/akademi di UiTMCNS. Manakala bilangan staf keseluruhan adalah sebanyak 733 orang dan 90 persatuan/kelab pelajar yang aktif seperti di Rajah 2.2.7 hingga Rajah 2.2.8 dan Jadual 2.2.1 (UiTMCNS_2.2.c). Sinergi di antara pengurusan tertinggi dengan wakil pengurusan pelajar terjalin, dan dimantapkan dengan slogan **#championstudents**. Ini dapat dilihat melalui pemerksaan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP), persatuan dan kelab pelajar, serta pengurusan pelajar non-residen. UiTMCNS memfokuskan agenda tujahan melalui Model Strategik Pembangunan Pelajar UiTMCNS melalui enam kaedah inovasi (**C**) seperti di Rajah 2.2.9 (UiTMCNS_2.2.d) iaitu:

1. Dua kluster projek inisiatif: Projek GOAL dan Projek STAGE mencakupi 12 *PI* yang menjurus kepada agenda tujahan pembangunan pelajar.
2. Pensejajaran Gelombang *GRU 2023* (Tema utama: Perkongsian pintar industri, komuniti & alumni; dan Kecemerlangan bakat) kepada Pelan Inisiatif Strategik BHEP UiTMCNS di Rajah 2.2.10 (UiTMCNS_2.2.d).
3. Pensejajaran objektif kualiti BHEP UiTMCNS dengan fokus kepada *PI* untuk mengadaptasi elemen penambahbaikan dalam Objektif Kualiti UiTMCNS.
4. Penambahbaikan struktur jawatankuasa pelaksana unit pengurusan BHEP dan pemantauan jawatankuasa pelaksana program. Selain itu, pembangunan pelapis kepimpinan pelajar dilakukan melalui pemerksaan persatuan/jawatankuasa pelajar, termasuk penubuhan Sekretariat Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) (**A**).
5. Program SENI GOAL dan SENI STAGE berupaya melonjak keterlibatan pelajar dengan rakan strategik tempatan dan antarabangsa.

UiTMCNS telah membentuk lanskap pembangunan bakat pelajar melalui dua lonjakan utama: (1) lonjakan keberhasilan (graduan holistik, keunggulan bakat, penghasilan graduan berkualiti, dan pembelajaran sepanjang hayat); dan (2) lonjakan pemangkin (ekosistem budaya positif, penyampaian pendidikan, keunggulan global, inovasi, tadbir urus, dan kemampunan kewangan). Transformasi kecemerlangan UiTMCNS terbukti dengan pengiktirafan Anugerah Tokoh Agensi Kerajaan kepada Rektor UiTMCNS (Rajah 2.2.11 di UiTMCNS_2.2.e). Kecemerlangan bakat seni pula dibuktikan dengan penjanaan pendapatan sebanyak RM4,180 sebagai bayaran penglibatan SENI STAGE pelajar di Pesta Budaya Nusantara Sempena Tahun Melawat Tahun 2023 daripada Majlis Bandaraya Seremban (Rajah 2.2.12 di UiTMCNS_2.2.e). Ini merupakan bukti pendekatan UiTMCNS untuk meluaskan kerjasama dengan potensi rakan strategik membuahkan hasil yang positif.

SENARAI BUKTI:

1. [K0083_P01_PB02_20241_UiTMCNS_2.2.a Perancangan Strategik.pdf](#)
2. [K0083_P01_PB02_20242_UiTMCNS_2.2.b Perancangan Strategik.pdf](#)
3. [K0083_P01_PB02_20243_UiTMCNS_2.2.c Perancangan Strategik.pdf](#)
4. [K0083_P01_PB02_20244_UiTMCNS_2.2.d Perancangan Strategik.pdf](#)
5. [K0083_P01_PB02_20245_UiTMCNS_2.2.e Perancangan Strategik.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Objektif kualiti BHEP dan pelan inisiatif tindakan strategik telah diintegrasikan mengikut hala tuju UiTM CNS dan selaras dengan agenda universiti, dasar dan matlamat aspirasi nasional (Rajah 2.3.1 hingga Rajah 2.3.2 di UiTM CNS_2.3.a) **(P)**. Tren positif pencapaian *PI* UiTM CNS berhasil menobatkan UiTM CNS dengan i-UiTM Score 6 Bintang dengan pencapaian 100% Pengarah Peneraju untuk BHEP UiTM CNS (Rajah 2.3.3 hingga Rajah 2.3.5 di UiTM CNS_2.3.b). Ini membuktikan transformasi kecemerlangan telah dibudayakan oleh seluruh warga UiTM CNS. Kebersamaan pemegang taruh daripada rakan strategik UiTM CNS dalam pencapaian perancangan strategik adalah kekuatan UiTM CNS. Proses penyampaian, perkongsian dan pelaksanaan berkaitan *GRU 2025* dan *PI* UiTM CNS 2023 telah dilakukan secara teratur dengan pelbagai kaedah secara maya dan bersemuka **(D)**. Penyebarluasan maklumat berkaitan *PI* dan perancangan strategik telah dilaksanakan melalui Sesi Amanat Naib Canselor 2023, diikuti dengan Sesi Amanat Rektor 2023. Platform lain adalah melalui laman web UiTM CNS, emel rasmi dan platform media sosial yang berkaitan UiTM CNS (Rajah 2.3.6 hingga Rajah 2.3.8 di UiTM CNS_2.3.c).

Bagi mencapai tujuan pembangunan pelajar dua *PI* iaitu *PI032 (Number of students participated in international programme organised by partner university / industry/ institution)* dan *PI036 (Number of students involved in creative industry programmes)* dengan sasaran bilangan penyertaan 137 pelajar dan 20 pelajar, masing-masing. Sasaran 2 *PI* ini telah tercapai melalui pelaksanaan Projek GOAL (*PI032*); dan Projek STAGE (*PI036*). Pasukan projek BHEP diketuai oleh TRHEP selaku pengarah projek dan dibantu pengurus Projek GOAL dan Projek STAGE **(C)**. Pelaksanaan untuk projek inisiatif ini diperluaskan dan melibatkan keseluruhan pelajar dan persatuan/kelab pelajar di UiTM CNS Kampus Kuala Pilah, Seremban, dan Rembau. Penambahbaikan penyebaran agenda perancangan strategik dilaksanakan melalui pensejajaran *GRU2025* dengan pelan inisiatif di dalam projek GOAL dan projek STAGE melalui penglibatan semua warga di UiTM CNS di dalam pelaksanaan projek **(A)**.

Hasilnya, ekosistem kerjasama antara UiTM CNS dengan pemegang taruh terserlah dengan perluasan kolaborasi sewaktu pelaksanaan SENI GOAL dan SENI STAGE. Program-program di bawah SENI GOAL dan SENI STAGE ini mengimplementasi penglibatan potensi rakan strategik untuk memperkasa jaringan sosial, pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat, pembudayaan inovasi dan perluasan warisan kesenian budaya tempatan (Rajah 2.3.9 hingga 2.3.11 di UiTM CNS_2.3.d). Fokus inisiatif ini secara tidak langsung dapat mencungkil bakat pelajar UiTM CNS dan meningkatkan potensi perkongsian pintar rakan strategik.

Praktis unggul UiTM CNS juga turut mendapat perhatian daripada pihak pengurusan tertinggi UiTM apabila Rektor UiTM CNS dijemput sebagai panel forum dengan tajuk “Forum bersama pencapaian global terbaik” di dalam program *Leadership Forum UiTM 2023 (LeadForUiTM2023)* pada 26 Julai 2023 (Rajah 2.3.12 di UiTM CNS_2.3.e). Selain itu, BHEP UiTM CNS telah dijadikan penanda aras oleh UiTM Cawangan Perlis pada 27 Mei 2022 (Rajah 2.3.13 di UiTM CNS_2.3.e). Agenda murni UiTM CNS pada 2023 ini demi memastikan UiTM tergolong sebagai universiti terkemuka dunia menerusi penghasilan graduan yang holistik, dinamik dan berdaya saing di peringkat global, tetapi kukuh memegang jati diri sebagai bangsa Melayu.

SENARAI BUKTI :

1. [K0083_P01_PB03_20241_UiTM CNS_2.3.a Perancangan Strategik.pdf](#)
2. [K0083_P01_PB03_20242_UiTM CNS_2.3.b Perancangan Strategik.pdf](#)
3. [K0083_P01_PB03_20243_UiTM CNS_2.3.c Perancangan Strategik.pdf](#)
4. [K0083_P01_PB03_20244_UiTM CNS_2.3.d Perancangan Strategik.pdf](#)
5. [K0083_P01_PB03_20245_UiTM CNS_2.3.e Perancangan Strategik.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pelan pemantauan pencapaian inisiatif strategik UiTMCNS adalah menggunakan pendekatan *PDCA* yang sistematik menggunakan kaedah komunikasi dua hala (*bottom-up* dan *top-down*). Perancangan strategik (**P**) yang sistematik sangat penting, oleh itu satu jawatankuasa yang diketuai oleh TRHEP selaku pengarah projek telah ditubuhkan, dibantu oleh pengurus Projek GOAL dan Projek STAGE, serta dilaksanakan oleh pasukan SENI GOAL dan SENI STAGE. Mereka bertanggungjawab dalam merancang, mengenalpasti, memantau dan mengesyorkan kaedah pelaksanaan projek-projek yang bersesuaian dengan aktiviti bidang tujuan (**D**). Proses pemantauan telah dimulai dengan pelaporan setiap projek di dalam mesyuarat Unit Kebudayaan untuk mengenalpasti pelan tindakan yang tidak dicapai (**C**). Seterusnya, pelaporan data *PI* oleh pengurus projek kepada pengarah projek melalui Mesyuarat BHEP secara berkala. Pelaporan data telah disemak oleh penyelar Unit STU UiTMCNS dan disahkan oleh Rektor UiTMCNS. Analisa pemantauan dan laporan pencapaian *PI* dibentangkan di dalam Mesyuarat Data Petunjuk Prestasi (*PI*) - Projek Inisiatif secara berkala seperti di Rajah 2.4.1.1 dan Rajah 2.4.1.2 (UiTMCNS_2.4.1.a). Input daripada mesyuarat tersebut telah disebarluaskan kepada pasukan projek inisiatif agar tindakan penambahbaikan dan pencegahan dapat diambil (**A**).

Proses pelaporan pencapaian *PI* secara bulanan merujuk kepada carta alir yang ditetapkan BTU seperti di Rajah 2.4.1.3 (UiTMCNS_2.4.1.b). Analisa pelaporan *PI* tersebut menggunakan sistem UePMO (pelaporan bulanan *PI* UiTMCNS) seperti di Rajah 2.4.1.4 (UiTMCNS_2.4.1.c) dan sistem PowerBI dashboard (pelaporan i-UiTM Score bagi keseluruhan UiTM) seperti di Rajah 2.4.1.5 (UiTMCNS_2.4.1.c). Manakala pelan pemantauan kemajuan projek *SAP* telah menggunakan sistem UiSMS seperti di Rajah 2.4.1.6 hingga Rajah 2.4.1.8 (UiTMCNS_2.4.1.d). Mekanisme pemantauan **WeMeasure@UiTMCNS** seperti di Rajah 2.4.1.9 (UiTMCNS_2.4.1.e) merupakan inisiatif dan satu inovasi yang dibangunkan oleh Unit STU untuk melaporkan *PI* mengikut bahagian di UiTMCNS. Laporan pencapaian *PI* UiTMCNS pula telah dimaklumkan kepada bahagian dan pasukan projek inisiatif melalui emel (Rajah 2.4.1.10 (UiTMCNS_2.4.1.e) dan *Whatsapp*, serta dibentangkan di dalam Mesyuarat Data Petunjuk Prestasi (*PI*) - Projek Inisiatif oleh Unit STU.

SENARAI BUKTI:

1. [K0083_P01_PB04_PC01_20241_UiTMCNS_2.4.1.a Perancangan Strategik.pdf](#)
2. [K0083_P01_PB04_PC01_20242_UiTMCNS_2.4.1.b Perancangan Strategik.pdf](#)
3. [K0083_P01_PB04_PC01_20243_UiTMCNS_2.4.1.c Perancangan Strategik.pdf](#)
4. [K0083_P01_PB04_PC01_20244_UiTMCNS_2.4.1.d Perancangan Strategik.pdf](#)
5. [K0083_P01_PB04_PC01_20245_UiTMCNS_2.4.1.e Perancangan Strategik.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Kebarangkalian beberapa risiko boleh dihadapi sepanjang pelaksanaan perancangan strategik UiTMCNS bagi bidang tujahan. Risiko-risiko tersebut telah dikenalpasti melalui proses pemantauan secara *bottom-up* dan *top-down*. Oleh itu, pengurusan risiko adalah penting kerana risiko-risiko tersebut berkemungkinan memberi kesan jangka pendek dan juga panjang. Satu Jawatankuasa Pengurusan Risiko UiTMCNS telah ditubuhkan untuk mengawal risiko yang mungkin berlaku sewaktu pelaksanaan projek inisiatif (**P**). Kategori risiko serta impak yang telah dikenalpasti ialah: (1) strategik, (2) reputasi, dan (3) operasi seperti di Rajah 2.4.2.1 (UiTMCNS_2.4.2.a). Beberapa langkah mitigasi telah diambil bagi memastikan tiada kegagalan dalam mencapai sasaran *PI* yang ditetapkan untuk UiTMCNS. Setiap pasukan projek inisiatif juga telah mengenalpasti faktor risiko ketidakcapaian *PI*, seterusnya telah mendaftarkan dan mengemaskini potensi risiko melalui sistem UiSMS (**D**).

Bengkel pengenalan sistem UiSMS: Pendaftaran dan Pelaporan SAP 2023 telah diadakan pada 22 Feb 2023 (Rajah 2.4.2.2 di UiTMCNS_2.4.2.b) untuk memberi pencerahan serta informasi terkini kepada pasukan projek SAP 2023. Panduan Pengguna Modul SAP Pengurusan Risiko Projek seperti di Rajah 2.4.2.3 (UiTMCNS_2.4.2.c) telah digunakan sebagai rujukan. Beberapa potensi risiko telah dikenalpasti dalam Projek GOAL (Rajah 2.4.2.4 di UiTMCNS_2.4.2.d) dan Projek STAGE (Rajah 2.4.2.5 di UiTMCNS_2.4.2.e). Berdasarkan laporan di sistem UiSMS tersebut, di antara risiko untuk Projek GOAL ialah kegagalan untuk melaksanakan strategi perhubungan awam dan komunikasi nasional dan antarabangsa yang mencukupi. Manakala risiko untuk Projek STAGE ialah tidak dapat menarik dan mengekalkan pelajar yang berkualiti tinggi dan kegagalan mencapai sasaran enrolmen pelajar untuk setiap program yang dijalankan (**C**). Langkah mitigasi untuk projek yang berisiko telah dibincangkan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Data Petunjuk Prestasi (*PI*) - Projek Inisiatif. Tindakan pelan mitigasi yang telah dikenalpasti untuk Projek GOAL, iaitu *reduction or control*, manakala untuk Projek STAGE, pula ialah *avoidance* dan *acceptance*. Seterusnya, tindakan alternatif dicadangkan, agar tindakan penambahbaikan dapat dilaksanakan (**A**).

SENARAI BUKTI :

1. [K0083_P01_PB04_PC02_20241_UiTMCNS_2.4.2.a Perancangan Strategik.pdf](#)
2. [K0083_P01_PB04_PC02_20242_UiTMCNS_2.4.2.b Perancangan Strategik.pdf](#)
3. [K0083_P01_PB04_PC02_20243_UiTMCNS_2.4.2.c Perancangan Strategik.pdf](#)
4. [K0083_P01_PB04_PC02_20244_UiTMCNS_2.4.2.d Perancangan Strategik.pdf](#)
5. [K0083_P01_PB04_PC02_20245_UiTMCNS_2.4.2.e Perancangan Strategik.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil pemantauan inisiatif strategik dibentangkan secara berkala di dalam Mesyuarat JKEN, Mesyuarat Data Petunjuk Prestasi (*PI*) - Projek Inisiatif dan MKSP. Bagi mendapat input secara tepat dan pantas; strategi dan inisiatif kemudian disebarluaskan kepada semua warga UiTMCNS melalui mekanisme mesyuarat, sesi perbincangan dan taklimat secara bersemuka dan maya seperti di Rajah 2.4.3.1 (UiTMCNS_2.4.3.a) (**P**). Input dan maklumbalas warga kampus dikumpulkan secara efisien melalui aplikasi seperti *Instagram*, *Facebook*, *WhatsApp*, *Google Form* dan *Twitter* memandangkan capaiannya lebih mudah, menepai perubahan keadaan semasa dan mesra pengguna seperti di Rajah 2.4.3.2 (UiTMCNS_2.4.3.b) (**D**).

Keseluruhannya, sinergi, keterlibatan serta input nilai tambah dari warga telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung ke arah peningkatan kualiti dan kecemerlangan UiTMCNS. Bagi memastikan *PI* tercapai, kaedah pemantauan *bottom-up* telah digunakan (**C**). Contohnya, maklumbalas yang diterima daripada kumpulan sasaran seperti maklumbalas kepuasan pelanggan serta maklumbalas daripada *post-mortem* dianalisa dengan tujuan untuk penambahbaikan perancangan strategik UiTMCNS (**A**). Data yang diperolehi daripada analisa maklumbalas pelanggan digunakan dalam merancang penambahbaikan perkhidmatan UiTMCNS dan pihak berkepentingan (Rajah 2.4.3.3 di UiTMCNS_2.4.3.c). Penglibatan semua kumpulan sasaran dalam perancangan penambahbaikan perancangan strategik adalah merupakan satu kaedah dalam memastikan objektif strategik yang telah disasarkan tercapai.

UiTMCNS telah mendapat penarafan enam (6) bintang 3 tahun berturut-turut bermula dari tahun 2020 sehingga tahun 2022. Oleh demikian, prestasi cemerlang ini telah dijadikan sebagai penanda aras bagi merangka Pelan Perancangan Strategik UiTMCNS 2023. Dengan perancangan strategik yang teratur, UiTMCNS telah dianugerahkan Penarafan Enam (6) Bintang oleh BTU dengan pencapaian 91.4% i-UiTM Skor bagi tahun 2023. Turut membanggakan, prestasi *PI* BHEP juga berjaya mencatat pencapaian 100% pada tahun 2023 (Rajah 2.4.3.4 di UiTMCNS_2.4.3.d). Hasilnya, projek-projek dibawah tujuhan yang dipilih menunjukkan prestasi hasil, iaitu sebanyak RM12,000 diraih melalui pertandingan dan sebanyak RM4,500 telah dijana daripada penyertaan pelajar (Rajah 2.4.3.5 di UiTMCNS_2.4.3.e). Ini menunjukkan strategi UiTMCNS untuk dasar 2J (Jana dan Jimat) bagi setiap projek telah membuahkan hasil. Selain prestasi *PI* yang cemerlang, hasil akhir juga dicapai untuk penjana pendapatan UiTMCNS.

SENARAI BUKTI :

1. [K0083_P01_PB04_PC03_20241_UiTMCNS_2.4.3.a Perancangan Strategik.pdf](#)
2. [K0083_P01_PB04_PC03_20242_UiTMCNS_2.4.3.b Perancangan Strategik.pdf](#)
3. [K0083_P01_PB04_PC03_20243_UiTMCNS_2.4.3.c Perancangan Strategik.pdf](#)
4. [K0083_P01_PB04_PC03_20244_UiTMCNS_2.4.3.d Perancangan Strategik.pdf](#)
5. [K0083_P01_PB04_PC03_20245_UiTMCNS_2.4.3.e Perancangan Strategik.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

UiTMCNS mengamalkan budaya penambahbaikan secara berterusan di mana wujudnya pelbagai proses penambahbaikan perancangan strategik untuk bidang tumpuan yang dipilih. Bagi mencapai *PI* dalam bidang tumpuan pembangunan bakat pelajar, kepimpinan kanan UiTMCNS telah berjaya membudayakan slogan **#championstudents** dengan pendekatan dasar Jana dan Jimat (2J) kepada warga dengan mencorakkan hala tuju Pelan Inisiatif UiTMCNS melalui pendekatan yang kreatif dan berkesan. Slogan **#championstudents** diasimilasikan dengan kewujudan kluster bagi mencapai *PI* yang digabungkan dengan kaedah pelaksanaan suku tahunan dan dipantau secara berkala oleh pihak STU. Bagi memastikan penglibatan pelajar dalam program di peringkat nasional dan antarabangsa, UiTMCNS telah mewujudkan **kluster SENI STAGE dan SENI GOAL** dengan tema “**Kebudayaan, Kesenian dan Warisan**”. Kejayaan program-program kerjasama dengan **agensi luar** seperti Pertandingan Seni Warisan Randai 2023 (Radio Television Malaysia), *Seremban Folkfest* (Majlis Bandaraya Seremban), Pesta Budaya Nusantara sempena Tahun Melawat Ipoh (Majlis Bandaraya Ipoh), dan Program Sukarelawan Hatyai telah membuktikan penglibatan kumpulan sasaran dalam proses perancangan, pelaksanaan, pemantauan, dan penambahbaikan penganjuran program di peringkat tempatan (Rajah 2.5.1 di UiTMCNS_2.5.a) dan antarabangsa (Rajah 2.5.2 di UiTMCNS_2.5.b).

Pembudayaan penambahbaikan perancangan strategik UiTMCNS telah membuahkan hasil dan menarik perhatian pihak luar apabila Rektor UiTMCNS dijemput untuk berkongsi pengalaman budaya kerja di UiTMCNS di *Leadership Forum UiTM 2023 (LeadForUiTM2023)* dengan tajuk “Forum bersama Pencapaian Global Terbaik”. Selain itu, BHEP UiTMCNS turut dijadikan sebagai penanda aras untuk UiTM Cawangan Perlis. Hasil daripada penglibatan dalam program-program **SENI GOAL** dan **SENI STAGE** turut menarik minat organisasi luar seperti Kolej Vokasional Juasseh untuk menjadikan UiTMCNS sebagai penanda aras melalui Bengkel *CSR Lestari Seni Abstrak dan Tepuk Amai-amai*. Secara tidak langsung, ini telah membuktikan pembudayaan penambahbaikan secara berterusan bukan sahaja membuahkan hasil malah diiktiraf oleh kepimpinan tinggi UiTM serta pihak luar seperti di Rajah 2.5.3 (UiTMCNS_2.5.2.c) dan di Rajah 2.5.4 (UiTMCNS_2.5.2.d).

Inisiatif penubuhan kluster-kluster bagi bidang tujahan pembangunan bakat pelajar serta penyearluasan maklumat berkaitan program dibawah kluster-kluster ini telah menunjukkan keberhasilan di mana di akhir suku tahunan ke empat 2023, UiTMCNS telah memperolehi 100% pencapaian *PI*. UiTMCNS turut menjana sebanyak RM 4,500 dari program-program tersebut serta RM12,000 hasil dari pertandingan-pertandingan yang dimenangi. Kejayaan ini telah melayakkan UiTMCNS sekali lagi dianugerahkan penarafan **ENAM (6) BINTANG** oleh BTU. Ini membuktikan bahawa warga UiTMCNS amnya bukan sahaja peka terhadap objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang tetapi menyokong pengurusan kanan dalam mengangkat slogan **#championstudents**. Kejayaan ini adalah hasil perancangan strategik UiTMCNS dimana semua perancangan sentiasa mengambil inisiatif yang efektif untuk proses penambahbaikan perancangan strategik cawangan bagi mencapai *PI* dalam bidang tujahan pembangunan bakat pelajar. Kejayaan ini telah disebarluaskan kepada semua warga (Rajah 2.5.5 di UiTMCNS_2.5.2.e).

SENARAI BUKTI :

1. [K0083_P01_PB05_20241_UiTMCNS_2.5.a Perancangan Strategik.pdf](#)
2. [K0083_P01_PB05_20242_UiTMCNS_2.5.b Perancangan Strategik.pdf](#)
3. [K0083_P01_PB05_20243_UiTMCNS_2.5.c Perancangan Strategik.pdf](#)
4. [K0083_P01_PB05_20244_UiTMCNS_2.5.d Perancangan Strategik.pdf](#)
5. [K0083_P01_PB05_20245_UiTMCNS_2.5.e Perancangan Strategik.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Unit Kebudayaan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) melibatkan pelanggan dalaman dan luaran, termasuk Kementerian Pengajian Tinggi, agensi kerajaan tempatan seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, pelajar IPTA/IPTS, industri, serta komuniti setempat. BHEP merancang, melaksanakan, memantau, dan mengurus risiko secara sistematik untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan serta memastikan kepuasan pelanggan melalui Model *PDCA* (Perancangan, Pelaksanaan, Pemantauan, dan Penambahbaikan). Data pelanggan dikumpul, disimpan, dan dianalisis untuk laporan berkala yang dibincangkan dalam mesyuarat peringkat bahagian dan pengurusan.

UiTMCNS komited terhadap pencapaian prestasi melalui enam tiang utama (*Pillar 2023-2024*), dengan penekanan khusus pada *Pillar 2: Turning Globally Marketable Students*, *Pillar 3: Turning Globally Marketable Staff*, dan *Pillar 4: Excellent Supporting Staff*. BHEP berpegang teguh kepada slogan **#championstudents** dan memfokuskan kepada dua inisiatif Industri Kreatif, iaitu Seni GOAL (peringkat antarabangsa) dan Seni STAGE (peringkat kebangsaan).

BHEP menggunakan inovasi digital seperti eGOAL dan eSTAGE untuk memantau dan bertindak balas terhadap maklum balas pelanggan. Inovasi lain termasuk eBAKAT, untuk pengembangan bakat, dan eSTUDIO, untuk tempahan peralatan dan studio. Sistem ini menawarkan capaian maklumat mudah alih dan tadbir urus yang efisien kepada semua pemegang taruh. Selain itu, perkongsian pengetahuan koreografi disebar oleh Penolong Pegawai Kebudayaan UiTMCNS melalui RANDAI SOMONDO. Inovasi ini menyumbang kepada kejayaan UiTMCNS dalam mencapai matlamatnya melalui pengurusan risiko yang teratur.

Pelaksanaan empat sistem inovasi ini telah berjaya mengumpul dan menyimpan data pelanggan secara sistematik, mempermudah pengurusan kelab kebudayaan, bakat pelajar, tempahan fasiliti, dan pinjaman peralatan. Pengurusan bakat yang melibatkan staf akademik dan pentadbiran turut dipermudahkan, sekaligus meningkatkan kolaborasi seni dengan agensi dan industri. Sistem eBAKAT membantu mengenal pasti bakat pelajar di pelbagai kampus, menunjukkan kecemerlangan dalam bidang kebudayaan dan kesenian. Program saringan bakat dan projek USR serta KTP juga dilaksanakan secara efektif, menggalakkan kreativiti dan kesenian pelajar. Hebahan kejayaan melalui media sosial dan televisyen, seperti RTM, turut dipermudah oleh sistem ini, meningkatkan ketampakan Unit Kebudayaan BHEP UiTMCNS.

Hasil pemantauan sistem eSTAGE, eGOAL, eBAKAT, dan eSTUDIO dibincangkan dalam mesyuarat kaji semula BHEP UiTMCNS. Inisiatif ini telah menghasilkan penyelidikan diiktiraf MyIPO, memperkenalkan kriteria saringan baru untuk bakat, dan menetapkan peraturan peminjaman peralatan studio. Penambahbaikan melalui pengenalan Pengurusan Aduan Maklumat Pelanggan, Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), serta amalan perkongsian takwim mesyuarat di awal tahun memastikan aduan dan maklum balas diselesaikan dengan cepat dan cekap. Sinergi antara pelanggan dalaman dan luaran ini meningkatkan keserjanaan serta ketampakan BHEP sebagai institusi pembangunan pelajar, selari dengan visi *UiTM GRU 2025*.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Program-program di bawah inisiatif SENI GOAL dan SENI STAGE oleh Unit Kebudayaan BHEP UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) telah berjaya menarik pelbagai jenis pelanggan, yang dikenalpasti melalui proses *PDCA*. Pelanggan ini terbahagi kepada dua kategori utama: dalaman, termasuk pelajar UiTMCNS serta staf akademik, bukan akademik, dan sokongan; dan luaran, seperti Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), agensi kerajaan, institusi pendidikan tinggi, syarikat swasta, industri, serta komuniti setempat dan luar.

Pendekatan "jana dan jimat" yang digunakan oleh BHEP UiTMCNS dalam menghasilkan inovasi, penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersialan yang diiktiraf, dicapai melalui perkongsian maklum balas dan kepakaran daripada pelbagai kumpulan pelanggan melalui platform eGOAL dan eSTAGE. Kedua-dua platform ini merupakan saluran digital penting untuk mengumpul maklumat dan maklum balas daripada pelanggan, yang kemudiannya digunakan untuk menilai dan meningkatkan kualiti perkhidmatan, keberkesanan pemindahan ilmu, dan fasiliti yang disediakan.

Pengetahuan mengenai platform-platform inovatif ini dikongsi melalui sesi taklimat oleh Penolong Pegawai Kebudayaan, Encik Mohd Shahril Mohd Sani (yang selepas ini disebut PPK). Hebahan program dan inisiatif di bawah SENI GOAL dan SENI STAGE pula disebarikan melalui media sosial BHEP UiTMCNS. Pelanggan dalaman dan luaran merupakan pemegang taruh yang memainkan peranan penting dalam memastikan program-program ini mencapai sasaran serta meningkatkan kualiti perkhidmatan.

Sebagai contoh, program RANDAI yang dilaksanakan sepanjang tahun 2023 di bawah *Pillar 2: Turning Globally Marketable*, menunjukkan bagaimana koreografi kreatif Tarian Randai dapat menarik minat pelbagai pihak. Pertandingan Seni Warisan Budaya Randai, yang dianjurkan oleh Jabatan Penyiaran Negeri Sembilan pada 27 Mei 2023, adalah antara acara di bawah projek SENI STAGE. Pelanggan utama yang terlibat termasuk RTM, Jabatan Penyiaran, dan KRS Tourist sebagai penaja, yang bukan sahaja mempromosikan seni warisan budaya tempatan tetapi juga meningkatkan keterlibatan dalam memelihara warisan budaya.

Program antarabangsa seperti *Seremban International Folk Fest 2023*, yang diadakan pada 22-24 September 2023, berjaya menarik tumpuan Majlis Bandaraya Seremban (MBS) dan umum. Dengan kolaborasi bersama Majlis Bandaraya Ipoh dan media antarabangsa, acara ini mempamerkan keupayaan Unit Kebudayaan BHEP dalam mengendalikan acara bertaraf antarabangsa, yang memperkukuhkan hubungan antara pihak berkepentingan dari pelbagai negara.

Seterusnya, Pesta Budaya Nusantara sempena Tahun Melawat Ipoh 2023 pada 10 Jun 2023, dengan kerjasama Majlis Bandaraya Ipoh dan pihak berkuasa tempatan seluruh Malaysia, serta penyertaan media dari Indonesia, Nanning, dan China, menunjukkan bagaimana tumpuan pelanggan yang meluas dapat dicapai melalui kategori SENI GOAL. Program ini bukan sahaja mempromosikan seni budaya nusantara tetapi juga meningkatkan kesedaran tentang kekayaan warisan budaya Malaysia.

Melalui pendekatan inovatif ini, Unit Kebudayaan BHEP UiTMCNS bukan sahaja berjaya mencapai sasaran tetapi juga memperkukuhkan kedudukannya sebagai peneraju dalam mempromosikan dan memelihara warisan budaya di peringkat nasional dan antarabangsa.

SENARAI BUKTI:

1. [K0083_T01_TB02_20241_UiTMCNS_3.2.a Tumpuan Pelanggan.pdf](#)
2. [K0083_T01_TB02_20242_UiTMCNS_3.2.b Tumpuan Pelanggan.pdf](#)
- 3.
- 4.

2.

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengumpulan, penyimpanan, dan pengenalan data pelanggan oleh Unit Kebudayaan BHEP UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) direkodkan secara sistematik untuk memastikan semua maklumat berkaitan bidang tumpuan diselaraskan dengan rapi. Unit ini telah menginovasikan sistem maklum balas atas talian, eGOAL dan eSTAGE, yang boleh diakses melalui *Google Drive* BHEP dan dikongsi kepada pelanggan tertentu mengikut program. Platform ini membolehkan pelanggan mengemaskini data yang berkaitan dengan bidang tumpuan mereka dengan lebih efisien, menjadikan proses pengurusan lebih mudah dan teratur.

BHEP UiTMCNS turut melaksanakan pelbagai kaedah perluasan, baik secara dalam talian mahupun manual, dalam saringan bakat pelajar yang terlibat dalam kelab kebudayaan seperti RAGENDA, SMECTRA, ABSTRAK, dan lain-lain di bawah pengendalian Kelab Kebudayaan BHEP. Sistem ini sangat membantu dalam mengenal pasti kelab kebudayaan yang wujud di bawah BHEP UiTMCNS dengan lebih pantas dan menilai tahap prestasi setiap bakat. Pengurusan tempahan fasiliti seperti bilik latihan, studio persembahan, dan ruang latihan lain juga dipermudah melalui sistem *BSU UiTM*. Selain itu, pengurusan pinjaman peralatan mudah alih turut diurus secara digital melalui sistem tempahan yang inovatif, menjadikan proses lebih efisien.

Untuk meningkatkan ketampakan bakat dan kecekapan pelajar serta staf BHEP UiTMCNS kepada pelanggan luar, direktori staf dalam *Google Drive*, eBAKAT, telah dibangunkan dan dikongsi kepada pelanggan tertentu mengikut program. Direktori ini mengandungi maklumat bidang kepakaran setiap staf, yang telah membantu meningkatkan jumlah projek kolaborasi seni. Sebagai contoh, pada tahun 2022, BHEP UiTMCNS berjaya memperoleh pelbagai projek kolaborasi seni dan memeterai *MoU/MoA* dengan agensi kerajaan seperti Majlis Bandaraya Seremban, serta menjalin kerjasama strategik dengan industri dalam dan luar negara. Projek-projek ini melibatkan bukan sahaja pelajar tetapi juga staf akademik, staf pentadbiran, sokongan, dan pelajar yang sedang menjalani latihan industri di BHEP UiTMCNS.

Untuk memupuk pengembangan bakat di kalangan pelajar, Unit Kebudayaan BHEP telah memperkenalkan sistem saringan bakat terperinci, yang menggalakkan inovasi koreografi di kalangan pelajar dalam kelab-kelab kebudayaan. Contohnya, koreografi RANDAI SOMONDO yang dibangunkan oleh Effa Mazlan dari Kelab RAGENDA diiktiraf dan didaftarkan hak cipta pada tahun 2023. Koreografi ini telah menarik perhatian IPTA dan IPTS di Malaysia, serta pelanggan luar negara seperti Indonesia dan Thailand, yang berminat mempelajari teknik-teknik terbaru dari pelajar UiTMCNS.

Unit Kebudayaan BHEP UiTMCNS juga berjaya memupuk nilai inovasi dan kesenian melalui projek University Social Responsibility (USR) dan Program Pemindahan Ilmu (KTP). Program antarabangsa di bawah projek SENI GOAL, seperti Pesta Budaya Nusantara dan Seremban International Folk Fest, menjadi bukti kejayaan ini. Inovasi di kalangan staf turut digalakkan, dengan penyelarar dari setiap kampus menyertai pertandingan inovasi Randai, yang membawa kejayaan besar dalam pertandingan seni warisan budaya peringkat kebangsaan. Usaha ini menonjolkan kemampuan Unit untuk membudayakan kreativiti dan inovasi di seluruh organisasi, mempertingkatkan penglibatan dengan pihak berkepentingan dalaman dan luaran.

Melalui pendekatan inovatif ini, Unit Kebudayaan BHEP UiTMCNS bukan sahaja mencapai matlamat yang ditetapkan tetapi juga memperkukuhkan kedudukannya sebagai peneraju dalam mempromosikan dan memelihara warisan budaya di peringkat nasional dan antarabangsa. Dukungan dan kerjasama pelanggan dalaman dan luaran membolehkan BHEP UiTMCNS terus memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan identiti budaya Malaysia.

SENARAI BUKTI :

1. [K0083_T01_TB03_20241_UiTM CNS_3.3.a Tumpuan Pelanggan.ppt](#)
2. [K0083_T01_TB03_20242_UiTM CNS_3.3.b Tumpuan Pelanggan.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

BHEP UiTMCNS telah melaksanakan pemantauan berkala untuk menambah baik semua aspek dalam meningkatkan kecemerlangan bidang tumpuan. Inovasi dalam pemantauan melibatkan beberapa sistem utama:

1. **Sistem Maklumbalas eSTAGE:** Melalui *Google Form*, sistem ini memantau aktiviti pelanggan dalam universiti dan negara, termasuk penglibatan staf dalam pengurusan bakat, kesenian, dan projek perundingan. Pada tahun 2023, sistem ini menunjukkan prestasi cemerlang dengan markah purata kepuasan pelanggan sebanyak 95%. Keputusan ini dibincangkan dalam Mesyuarat BHEP pada Mei 2024 untuk memperbaiki mutu perkhidmatan.
2. **Sistem Maklumbalas eGOAL:** Juga menggunakan *Google Form*, sistem ini memantau aktiviti pelanggan antarabangsa. Hasil analisis maklum balas 2023 menunjukkan prestasi yang sama cemerlang dengan markah kepuasan sebanyak 95%, menandakan kejayaan dalam memenuhi jangkaan pelanggan antarabangsa.
3. **Sistem eBAKAT:** Sistem ini memperkenalkan inovasi saringan untuk kelab kebudayaan mengikut kampus seperti RAGENDA (Kampus Rembau) dan SMECTRA (Kampus Seremban). Ia bertujuan mengenal pasti bakat pelajar dan mempromosikan mereka dalam pelbagai kategori. Hasilnya, BHEP berjaya melebihi sasaran dalam kategori seperti jumlah jempunan persembahan dan penyertaan pertandingan, yang disahkan dalam Laporan Pencapaian *Performance Indicator 2023*.
4. **Sistem eSTUDIO:** Sistem ini menetapkan peraturan baru untuk peminjaman dan pemulangan peralatan studio, mengelakkan kecuaiian dan kerosakan, serta memastikan ketersediaan peralatan untuk pelajar dan staf.

Hasil pemantauan menggunakan sistem-sistem ini (eSTAGE, eGOAL, eBAKAT, dan eSTUDIO) telah digunakan dalam mesyuarat kaji semula pengurusan BHEP UiTMCNS. Sistem inovasi tataurus bersepadu ini membolehkan pemantauan lebih efektif terhadap aktiviti pelanggan dalaman dan antarabangsa, menyokong pengurusan risiko yang lebih baik melalui model *PDCA (Plan-Do-Check-Act)*. Risiko kewangan, keselamatan, dan reputasi dikenalpasti dan dikawal secara sistematik.

Penambahbaikan berdasarkan maklum balas pelanggan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD) sepanjang 2023, memastikan BHEP UiTMCNS terus menyediakan perkhidmatan berkualiti tinggi dan memenuhi kehendak pelanggan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0083_T01_TB04_TC01_20241_UiTMCNS_3.4.1a Tumpuan Pelanggan.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam menguruskan risiko, BHEP UiTM CNS mengaplikasikan model *PDCA* (*Plan-Do-Check-Act*) untuk mengenalpasti, menilai, dan mengatur risiko yang berkaitan dengan pelanggan. Risiko yang dihadapi termasuk aspek keselamatan, privasi, kewangan, undang-undang, dan reputasi. Untuk menangani risiko kewangan, BHEP UiTM CNS melaksanakan analisis kos-manfaat sebelum memulakan sebarang program serta memastikan kepelbagaian sumber dana. Langkah-langkah proaktif dan sistematik diambil untuk mengurangkan risiko ketidakpastian dana dan memastikan keterlibatan industri yang berterusan.

Penggunaan sistem maklum balas atas talian membantu BHEP UiTM CNS dalam mengenalpasti dan menguruskan risiko secara lebih teratur. Sistem ini mempermudah pengurusan tempahan ruang dan fasiliti seperti studio dan alat muzik, sambil mengelakkan risiko yang berkaitan dengan pengurusan data dan kebergantungan kepada pihak ketiga. Risiko seperti pencerobohan privasi, kehilangan data, ketidaktepatan data, dan serangan siber juga dikenal pasti dan dikawal dengan ketat untuk melindungi reputasi fakulti dan UiTM.

Kajian dan penambahbaikan yang berdasarkan maklum balas pelanggan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD) sepanjang tahun 2023. Hasil daripada perbincangan ini telah diperincikan dalam perancangan strategik BHEP UiTM CNS 2023, yang bertujuan untuk memastikan organisasi ini sentiasa berada di barisan hadapan dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti tinggi serta memenuhi kehendak pelanggan.

Melalui pendekatan *PDCA* dan penggunaan teknologi maklum balas yang bersepadu, BHEP UiTM CNS telah berjaya mengawal dan mengurus risiko dengan lebih efektif. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan pengurusan tetapi juga membantu memastikan setiap program dan aktiviti yang dijalankan oleh BHEP UiTM CNS adalah selaras dengan matlamat strategik organisasi serta ekspektasi pelanggan. Langkah-langkah penambahbaikan yang diambil melalui kajian ini memperkukuhkan kedudukan BHEP UiTM CNS sebagai penyedia perkhidmatan pendidikan dan kebudayaan yang berkualiti dan berdaya saing.

SENARAI BUKTI :

1. [K0083_T01_TB04_TC02_20241_UiTM CNS_3.4.2a Tumpuan Pelanggan.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Unit Kebudayaan BHEP UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) melaksanakan pengurusan aduan dan maklum balas pelanggan secara sistematik melalui proses Pengurusan Aduan Maklumat Pelanggan dan Pengurusan Maklum Balas Pelanggan. Proses ini diperkukuhkan dengan penggunaan media sosial rasmi BHEP UiTMCNS, yang memudahkan interaksi mesra antara pihak luar dengan Unit Kebudayaan, memastikan maklum balas diterima dan ditangani dengan berkesan.

Dalam usaha memperkukuhkan pengurusan risiko, Unit Kebudayaan BHEP UiTMCNS telah mengadakan Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD) secara berkala. Melalui mesyuarat ini, hasil analisa maklum balas pelanggan dibentangkan dan dibincangkan secara terperinci, membolehkan tindakan pencegahan diambil dengan segera. Keputusan yang dicapai dalam mesyuarat ini dikongsi bersama seluruh warga Unit Kebudayaan, yang membantu dalam proses penambahbaikan berterusan. Pendekatan ini telah berjaya mengawal dan menyelesaikan risiko yang dikenalpasti, seterusnya memastikan kepuasan pelanggan tetap terjaga.

Bagi mengukuhkan lagi aktiviti kebudayaan, kesenian, warisan, persembahan, dan pengurusan bakat staf serta pelajar, Unit Kebudayaan mengadakan mesyuarat secara berkala sepanjang tahun. Ke kerapannya mesyuarat ini adalah konsisten, dan takwim mesyuarat telah dikongsi bersama warga BHEP UiTMCNS pada awal tahun, sebagaimana yang tertera dalam Rajah 3.4.3(4a). Amalan perkongsian takwim ini, serta tatacara penghantaran kertas kerja di awal tahun, membolehkan warga Unit Kebudayaan merancang, menyiapkan, dan menghantar kertas kerja berkaitan kebudayaan, kesenian, warisan, persembahan, dan pengurusan bakat mengikut jadual yang telah ditetapkan. Pentadbiran Unit Kebudayaan juga diberikan peluang untuk memberikan maklum balas secara konsisten kepada pemohon sepanjang tahun.

Mesyuarat Jawatankuasa Kebudayaan (JKK) juga telah diperkasakan pada tahun 2023, membincangkan cadangan dan maklum balas yang berfokus kepada kebudayaan, kesenian, warisan, persembahan, dan pengurusan bakat. Fokus mesyuarat ini adalah untuk memastikan keperluan pelanggan dalaman dan luaran dipenuhi. Salah satu isu yang telah dibincangkan dalam mesyuarat ini adalah keberadaan alatan kesenian dan kebudayaan mudah alih. Berdasarkan maklum balas pengguna, isu ini telah diselesaikan melalui perancangan pembangunan sistem peringatan pemulangan peralatan mudah alih, iaitu sistem eSTUDIO. Sistem ini diselaraskan dengan keperluan Pekeliling Bendahari Tatacara Pengurusan Aset Alih UiTM, Bilangan 3 Tahun 2018 (Rajah 3.4.3(4c)), memastikan penggunaan dan pengurusan peralatan kebudayaan dilakukan dengan lebih efisien.

SENARAI BUKTI :

1. [K0083_T01_TB04_TC03_20241_UiTMCNS_3.4.3a Tumpuan Pelanggan.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Dengan mengangkat tradisi dan menyemarakkan warisan, Unit Kebudayaan BHEP UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) telah memfokuskan kepada pelanggan secara holistik untuk memastikan kelestarian aktiviti kebudayaan, kesenian, warisan, dan pengurusan bakat. Pendekatan ini telah membuahkan pelbagai kecemerlangan dan pengiktirafan, termasuk **Anugerah Transformasi 2023 Penjana Pendapatan (Kategori Cawangan)**, **Tempat ke-2 Anugerah Transformasi Globally Marketable 2023 Pillar 2 (Turning Globally Marketable Student) (Peringkat Kampus)** dalam ketampakan pengurusan dan pembangunan pelajar dan **Tempat ke-5 Anugerah Transformasi Globally Marketable 2023 Pillar 1 (World Class Faculty Member) (Kategori Cawangan)**. Keberkesanan Kepimpinan Kanan UiTMCNS merancang pelan strategik dalam bidang tumpuan terbukti apabila UiTMCNS memenangi **Anugerah 6 Bintang (Kategori Cawangan)** dan **Anugerah Pelan Tindakan Strategik Terbaik: KPI Tertinggi SAP Tinggi (Kategori Cawangan)**[senarai anugerah dan bukti].

Unit Kebudayaan BHEP UiTMCNS telah memperkukuh hubungan dan kredibiliti penggiat seni serta menjalin kerjasama dengan pihak luar seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), RTM, dan Jabatan lain pada tahun 2023. Projek SENI GOAL telah menyerlahkan kepimpinan seni global dengan lantikan pengarah seni dan tenaga pengajar jemputan di universiti luar negara, serta penasihat kebudayaan di pelbagai badan kebudayaan.

Budaya inovasi dan pemikiran kreatif di kalangan staf sokongan juga telah melahirkan beberapa kumpulan inovatif (KIK) yang mendapat pengiktirafan dalam pertandingan inovasi. Satu inovasi penting ialah sistem eSTUDIO, yang menguruskan pinjaman peralatan kebudayaan menggunakan *Google Form* dan *Google Drive*. Sistem ini selari dengan Pekeliling Bendahari Tatacara Pengurusan Aset Alih UiTM, Bilangan 3 Tahun 2018, dan menyediakan capaian mudah maklumat untuk penggunaan peralatan, meningkatkan kepuasan pelanggan dan bilangan ahli kelab kebudayaan di UiTMCNS.

Sinergi antara pelanggan dan Unit Kebudayaan BHEP UiTMCNS menyumbang kepada kejayaan program kebudayaan, kesenian, dan pengurusan bakat. Pelanggan dalam memberikan kepakaran, sementara pelanggan luaran meningkatkan ketampakan UiTMCNS di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Usaha ini telah menghasilkan pelbagai inovasi serta pencapaian cemerlang, membuktikan keserjanaan dan ketampakan Unit Kebudayaan sebagai peneraju kebudayaan UiTMCNS, seiring dengan visi *UiTM GRU2025*.

SENARAI BUKTI :

1. [K0083_T01_TB05_20241_UiTMCNS_3.5.a Tumpuan Pelanggan.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil analisis data yang tepat dan sahih merupakan elemen yang amat penting dalam mengukur kecekapan dan keberkesanan sesuatu sistem pengurusan. Data dan maklumat yang diperolehi dari pelan perancangan strategik, perlu diukur dan dianalisa secara efektif. Selain itu, data yang diperolehi akan dinilai secara terperinci dan berkala bagi memastikan pihak kepimpinan UiTMCNS dapat melakukan penambahbaikan dalam menyokong pencapaian kampus agar sentiasa berada pada tahap yang memberangsangkan dan selari dengan perancangan UiTMCNS.

Perancangan (P): Perancangan Strategik UiTMCNS adalah berdasarkan kepada Pelaporan Data 'Performance Indicator' (PI) oleh Pasukan Projek Inisiatif dan Pelaporan Pencapaian Prestasi PI UiTMCNS

Pelaksanaan (D): Proses gerak kerja yang proaktif perlu dilaksanakan bagi mencapai objektif pencapaian prestasi PI UiTMCNS iaitu mengembangkan dan mencungkil bakat kebudayaan para pelajar UiTMCNS. Proses bermula berdasarkan kepada *Planning 2023 MoU* di mana adalah merangkumi perancangan strategik bermula dari tahun 2022 sehingga 2024.

Pemantauan (C): Mesyuarat Berkala Bahagian dan Mesyuarat Kelab/Persatuan sebagai salah satu platform pemantauan bagi proses penambahbaikan prestasi untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Penambahbaikan (A): Setiap data yang diperolehi dinilai secara terperinci dan berkala melalui mesyuarat, laporan rasmi program, soal selidik secara fizikal dan atas talian bagi menjamin pengukuran yang sahih dan tepat agar penambahbaikan dapat dilaksanakan secara berterusan bagi menyokong pencapaian kampus agar sentiasa berada pada tahap yang tinggi dan selari dengan perancangan UiTMCNS dan seterusnya melahirkan **#championstudents**. Hasil dari perancangan strategik yang disasarkan, pembangunan bakat pelajar dapat dilihat dari Pertandingan Seni Warisan Budaya Randai yang dianjurkan oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) membuah hasil yang memberangsangkan dengan memperolehi jumlah kemenangan dari ketiga-tiga kampus sebanyak RM12,000. Selain itu, dua pelajar dari UiTMCNS iaitu Nor Muzdaliffah binti Mazlan dan Ahmad Syakirin bin Salihin telah memenangi Anugerah Khas Juri dan Penyanyi Harapan pada Festival Seni Budaya Mahasiswa UiTM Se-Malaysia (FESMA) 2024 yang berlangsung pada 2 Mac hingga 7 Mac 2024.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCNS mengukur pencapaian untuk setiap petunjuk prestasi utama pada setiap bahagian melalui data dan maklumat agar mencapai objektif pelan perancangan strategik.

Rajah 4.2.1 (UiTMCNS_4.2.a) menunjukkan objektif kualiti UiTMCNS Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP). Pengukuran pencapaian dianalisis oleh BHEP adalah penting untuk diintegrasikan. Pengukuran pencapaian ini dibuat dalam Perancangan Strategik untuk menggariskan masa pelaporan Petunjuk Prestasi (*PI*) dan Perancangan Tindakan Strategik (*SAP*). Pelaporan data *PI* oleh Pasukan Projek Inisiatif dan pelaporan pencapaian prestasi *PI* UiTMCNS dibuat di dalam Mesyuarat Data Petunjuk Prestasi dan *SAP* UiTMCNS untuk tujuan penambahbaikan bagi membincangkan dan menilai semula keberkesanan sistem pengurusan secara menyeluruh melalui mekanisma pengukuran seperti penyediaan laporan petunjuk pencapaian. Hal ini membolehkan BHEP dapat menyumbang kepada pembangunan pelajar secara lebih menyeluruh. **Tiga mesyuarat telah diadakan pada tahun 2023 iaitu pada 9 Jun 2023, 15 September 2023 dan 23 November 2023.** Perancangan Strategik ini juga telah membentuk 14 Pasukan Projek Inisiatif yang terdiri daripada ahli pasukan yang proaktif untuk melaksanakan Projek Industri Kreatif. **Projek Inisiatif Kreatif ini menfokuskan kepada 2 projek Pelan Tindakan Strategik iaitu SENI STAGE dan SENI GOAL.** Projek SENI STAGE dinamakan sebagai projek *Student Talent Global Excellence* manakala projek SENI GOAL pula dinamakan sebagai *Projek Global Future Leader*.

Rajah 4.2.2 (UiTMCNS_4.2.b) menunjukkan petunjuk prestasi dan pencapaian prestasi pada tahun 2023. Laporan data petunjuk prestasi akan dibuat oleh pengarah projek atau pengurus projek atau ahli pasukan ke dalam sistem SmartHEP. Kemudian, Pengarah Peneraju akan mengesahkan laporan yang telah diserahkan sebelum dimasukkan ke dalam sistem UePMI. Selepas beberapa proses semakan, laporan pencapaian data petunjuk prestasi akan dimasukkan di dalam aplikasi PowerBI setelah mendapat pengesahan dari Rektor. Segala maklumat dan data di bawah Pelan Tindakan Strategik pada tahun 2023 pula dibuat di Sistem UiSMS.

Rajah 4.2.3 (UiTMCNS_4.2.c) berikut adalah carta alir proses umum dalam Unit Kebudayaan. Unit ini melibatkan pelajar yang berminat ke arah kebudayaan dan staf yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini. Pelajar dan staf tersebut akan berbincang bersama di dalam perjumpaan Kelab Kebudayaan. Perancangan pelaksanaan aktiviti 2023 dan *KPI* BHEP dilakukan melalui perjumpaan kelab tersebut. Akhir sekali, laporan perlu dihantar kepada pihak BHEP sejurus selepas aktiviti dilaksanakan.

Bagi tahun 2023, terdapat 44 persatuan dan kelab yang berdaftar di BHEP UiTMCNS, iaitu Kelab SIMECTRA (Seremban), Kelab Abstrak (Kuala Pilah) dan Kelab Ragenda (Rembau) yang merupakan Kelab Kebudayaan UiTMCNS. Ahli kelab yang telah terpilih akan diberikan latihan intensif oleh Penasihat Kelab SIMECTRA dan jurulatih yang dilantik khas. Selain itu, terdapat juga jurulatih luar yang dilantik sekiranya tiada kepakaran tersebut di dalam universiti. Di UiTMCNS, setiap kampus mempunyai latihan yang tertentu iaitu kampus Kuala Pilah tertumpu kepada teater, kampus Seremban fokus kepada tarian, nyanyian dan band manakala kampus Rembau tertumpu kepada tarian dan nyanyian. BHEP telah menyediakan jurulatih dan latihan yang komprehensif kepada pelajar untuk melatih kepimpinan pelajar bagi menyertai program antarabangsa anjuran universiti atau rakan kongsi industri.

SENARAI BUKTI:

1. [K0083_A01_AB02_20241_UiTMCNS_4.2.a Pengukuran, Analisa dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
2. [K0083_A01_AB02_20242_UiTMCNS_4.2.b Pengukuran, Analisa dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
3. [K0083_A01_AB02_20243_UiTMCNS_4.2.c Pengukuran, Analisa dan Pengurusan](#)

[rengelanuan.ppt](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Audit Dalam secara berterusan perlu dijalankan untuk memastikan keberkesanan sistem pengukuran pencapaian. Audit Dalam dijalankan secara berkala oleh pasukan Audit Dalam yang terlatih diketuai oleh Ketua Sistem Audit (KSA) mengikut piawaian pengauditan yang telah ditetapkan. Bagi memastikan prosedur pengurusan pelajar berjalan lancar, BHEP turut terlibat dalam proses pengauditan. **Setiap penemuan ketidakpatuhan audit semasa atau sebelumnya, tindakan pembetulan atau penambahbaikan perlu dilakukan segera jika terdapat penurunan atau peningkatan terhadap penemuan tersebut.**

UiTMCNS juga memastikan pengukuran pencapaian sejajar dengan hala tuju kampus melalui mesyuarat dan laporan yang disemak secara berkala seperti di Rajah 4.3.1 (UiTMCNS_4.3.a). **Sebagai contoh, Mesyuarat Data Petunjuk Prestasi (PI) dan SAP UiTMCNS turut dilakukan tiga kali setahun bagi memastikan pencapaian prestasi PI UiTMCNS tercapai.** Semakan berkala penting bagi membolehkan segala ketidakpatuhan dan penemuan yang ditemui dapat ditambahbaik pada masa akan datang. Petunjuk Prestasi Utama yang ditetapkan perlu selaras dengan keperluan operasi dan tadbir urus bagi memastikan gerak kerja yang dijalankan dapat dilaksanakan dalam persekitaran yang kondusif.

Pengukuran yang dilakukan oleh BHEP melalui mesyuarat Tabung Amanah Pelajar (TAPA) bagi membincangkan perkara melibatkan belanjawan termasuk peruntukan bagi setiap aktiviti pelajar yang akan dijalankan pada setiap semester serta pengurusan kewangan yang melibatkan bayaran dan perolehan. Pejabat Bendahari dipertanggungjawabkan dalam mengurus semua data kewangan termasuk peruntukan berkaitan aktiviti pelajar. Borang permohonan tuntutan hendaklah diserahkan kepada pejabat bendahari selewat-lewatnya dua minggu selepas program dijalankan. Permohonan yang berjaya akan dimaklumkan melalui emel rasmi UiTM kepada penasihat kelab dan persatuan. Seterusnya, penasihat akan memaklumkan kepada pelajar mengenai status permohonan tersebut. Data dan maklumat mengenai senarai persatuan/kelab serta peruntukan tabung ini penting bagi memastikan setiap proses dapat dipantau serta berjalan lancar. Peruntukan yang diluluskan kepada aktiviti persatuan/kelab menunjukkan komitmen pengurusan dalam menghasilkan **#championstudents**.

Sehubungan itu bagi melahirkan **#championstudents**, satu proses gerak kerja yang proaktif telah dilaksanakan iaitu mencungkil bakat kebudayaan para pelajar UiTMCNS. Proses bermula berdasarkan kepada *Planning 2023 MoU* di mana petikan tersebut adalah berdasarkan kepada Perancangan Strategik bermula tahun 2022 sehingga 2024. **Seterusnya, perjumpaan kelab yang bernaung di bawah SIMECTRA akan diadakan bagi mewujudkan satu program khas yang diberi nama Program Pencarian Talent Pool.** Program ini terbuka kepada semua pelajar UiTMCNS bagi mencari bakat terpendam para pelajar secara amnya. Rentetan daripada itu, bakat para pemenang yang terpilih dari program ini akan digilap dan diasah dengan pelbagai latihan khas sebelum menyertai pelbagai program kebudayaan dan warisan seni. Rajah 4.3.2 (UiTMCNS_4.3.b) dibawah menunjukkan rumusan proses pelaksanaan program **#championstudents**.

Jika diteliti dengan lebih mendalam, bagi memastikan kualiti yang terdapat di dalam pelajar dinilai, pengukuran pencapaian individu juga turut diadakan. **Majlis Apresiasi Tiga Teater merupakan majlis anugerah yang dipertandingkan pada setiap tahun bagi memilih calon pelajar yang mempunyai pencapaian yang terbaik dalam bidang kebudayaan dan warisan yang ditubuhkan oleh Kelab SIMECTRA UiTMCNS.** Majlis gilang-gemilang ini dikenali sebagai program "Perkampungan Budaya" yang merangkumi ketiga-tiga kampus di Negeri Sembilan dan telah diadakan pada 6 Mac sehingga 11 Mac 2023. Pelajar yang dinobatkan sebagai pemenang kebiasaannya merupakan pelajar yang aktif menceburkan diri dalam persatuan/kelab SIMECTRA UiTMCNS. Antara anugerah yang dipertandingan adalah seperti Rajah 4.3.3 (UiTMCNS_4.3.c).

SENARAI BUKTI :

1. [K0083_A01_AB03_20241_UiTMCNS_4.3.a Pengukuran, Analisa dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
2. [K0083_A01_AB03_20242_UiTMCNS_4.3.b Pengukuran, Analisa dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
3. [K0083_A01_AB03_20243_UiTMCNS_4.3.c Pengukuran, Analisa dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Analisa pencapaian dibentangkan dalam **Mesyuarat Berkala Bahagian** dan **Mesyuarat Kelab/Persatuan sebagai salah satu platform pemantauan** bagi proses penambahbaikan prestasi untuk **mencapai objektif yang telah ditetapkan**. Surat kelulusan menjalankan program dan laporan rasmi program perlu dihantar ke BHEP sebagai bukti bahawa program telah dijalankan. Soal selidik program dilaksanakan di akhir program bagi mengkaji tahap kepuasan peserta terhadap penganjuran dan pelaksanaan program. Data dianalisa menggunakan kaedah deskriptif, perbandingan pencapaian semasa dengan indikator pengukuran yang ingin dicapai agar kelemahan dan masalah yang dihadapi dapat dikenalpasti.

Dalam menganalisa sasaran pencapaian berkaitan kebudayaan dan warisan, mekanisme **pelaporan database (google sheet) dan pelaporan KPI** digunapakai melibatkan seluruh warga dalam memberi input penambahbaikan. Analisa frekuensi dan deskriptif seperti carta garis dan carta bar untuk melihat tahap, tren dan perbandingan pencapaian digunapakai. Analisa pencapaian semasa dan pencapaian terdahulu turut dilaksanakan untuk menilai daya saing UiTMCNS. Selain itu, data seperti statistik bilangan penyertaan pelajar yang menyertai Program SENI STAGE (lokal) dan SENI GOAL (antarabangsa) digunakan untuk membuat analisa perbandingan. Rajah 4.4.1.1 (UiTMCNS_4.4.1.a) menunjukkan **bilangan penyertaan pelajar** yang menyertai **program lokal (9) dan antarabangsa (4)** pada **tahun 2023** adalah sebanyak **13 penyertaan** secara keseluruhan.

Rajah 4.4.1.2 (UiTMCNS_4.4.1.b) menunjukkan perbandingan bilangan penyertaan dalam dua projek Pelan Tindakan Strategik iaitu SENI STAGE dan SENI GOAL bagi tahun 2022 dan 2023. **Bilangan penyertaan pelajar** yang menyertai **program** pada **tahun 2023** adalah sebanyak **13 penyertaan** secara keseluruhan manakala bagi **tahun 2022** adalah sebanyak **1 penyertaan di peringkat lokal**.

Analisis jurang turut dilaksanakan dengan melihat pencapaian bagi setiap keterlibatan pelajar dalam program kebudayaan dan warisan. Analisa Rajah 4.2.2 menunjukkan pencapaian pelajar dalam program kebudayaan dan warisan mencapai Petunjuk Prestasi Utama yang disasarkan. Log tindakan penyelesaian akan dikeluarkan sebagai panduan pelaksanaan aktiviti atau tindakan susulan dalam memastikan sasaran pada tahun berikutnya dapat dicapai secara optimum.

Perbandingan peringkat dalaman untuk melihat pencapaian aktiviti pembangunan pelajar dari setiap persatuan/kelab dalam menyertai program kebudayaan dan warisan. Data perbandingan penting untuk tujuan semakan petunjuk prestasi utama bagi menilai pencapaian semasa dan pencapaian UiTMCNS. Data ini membantu mengenal pasti jurang dan peluang penambahbaikan pada masa hadapan. Bagi memenuhi keperluan inovasi kerja, data perbandingan merupakan satu mekanisme yang tepat dalam membuat keputusan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0083_A01_AB04_AC01_20241_UiTMCNS_4.4.1.a Pengukuran, Analisa dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
2. [K0083_A01_AB04_AC01_20242_UiTMCNS_4.4.1.b Pengukuran, Analisa dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi memastikan pencapaian petunjuk prestasi dapat dipenuhi, proses penambahbaikan, pembetulan dan pencegahan dilaksanakan selepas proses analisa dan semakan bagi mengenal pasti kelemahan UiTMCNS. Sebagai contoh, dalam usaha meningkatkan tadbir urus pembangunan pelajar khususnya terhadap kebudayaan dan warisan, pihak BHEP telah mengguna pakai **templat aktiviti** untuk memastikan dokumen yang tepat berkaitan aktiviti pembangunan pelajar. **Audit Dalam** dan **mesyuarat berkala** yang dijalankan secara berkala dikeseluruhan sistem UiTMCNS di BHEP membantu dalam meningkatkan dokumentasi terhadap aktiviti pembangunan pelajar UiTMCNS. Berdasarkan kepada Laporan Audit Dalam yang telah dijalankan, tindakan pembetulan dilaksanakan. Tindakan pencegahan turut dilakukan dimana setiap wakil persatuan/kelab perlu menghadiri **Kursus Pengurusan Organisasi (KPO)** anjuran Unit Kepimpinan pada setiap semester yang dijalankan selama dua hari. Kursus ini memberi pendedahan berkenaan **prosedur pengurusan aktiviti yang menyeluruh bermula dari** penyediaan kertas kerja sehingga program berakhir. Hal ini termasuklah proses penyediaan peruntukan kewangan, kaedah menguruskan program yang meliputi pengurusan acara dan pengucapan awam serta penyediaan laporan akhir aktiviti. Perkara yang dititikberatkan sewaktu KPO adalah bagi memastikan program yang dijalankan adalah berimpak kepada universiti. Namun, kekangan kewangan dikenali sebagai salah satu risiko bagi mencapai objektif tersebut. Untuk memastikan risiko dapat dikawal, analisis kajian kos manfaat dilaksanakan sebelum program kebudayaan dirancang bagi memastikan kepelbagaian sumber dana. Justeru, BHEP perlu memantau setiap cabaran risiko secara berkala dengan membuat penambahbaikan yang bersesuaian.

Tahap kepuashatian pelajar dan pihak berkepentingan diukur menggunakan mekanisma kaji selidik di UiTMCNS. Mekanisma ini penting sebagai alat pengukuran terhadap kepuashatian pelajar dan pihak berkepentingan. Selain itu, keberkesanan '*Report Monitoring System*' dapat digambarkan melalui Rajah 4.4.2.1 (UiTMCNS_4.4.2.a).

Oleh itu, BHEP memainkan peranan penting dan bertanggungjawab secara langsung bagi memastikan data yang dikumpul dianalisa dengan efisien. BHEP berperanan untuk memastikan data-data penting setiap program kepimpinan yang dilaksanakan dan pertandingan yang disertai oleh pelajar dikumpul dan dianalisa bagi mengenal pasti jurang kekuatan dan kelemahan tadbir urus kampus dalam memenuhi keperluan pelajar.

SENARAI BUKTI :

1. [K0083_A01_AB04_AC02_20241_UiTMCNS_4.4.2.a Pengukuran, Analisa dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Semakan pencapaian UiTMCNS melalui mesyuarat dijalankan seperti Rajah 4.3.1 bagi mengenalpasti penambahbaikan dan inovasi yang perlu dilakukan. Ia adalah berdasarkan kepada sasaran pencapaian serta amalan terbaik dan cemerlang bagi merealisasikan Pelan Perancangan Strategik berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama yang telah ditetapkan.

Semakan pencapaian dilaksanakan berdasarkan kepada perkhidmatan yang diberikan di UiTMCNS kepada pelajar seperti Rajah 4.4.3.1 (UiTMCNS_4.4.3.a). Maklumat aktiviti dikumpul untuk menjana pencapaian pelan perancangan strategik yang disasarkan dan pertandingan yang disertai. BHEP telah menggunakan templat aktiviti yang merangkumi data-data seperti senarai persatuan dan kelab yang terlibat, kategori aktiviti, ringkasan aktiviti dan tempat aktiviti dijalankan. Maklumat ini akan dikumpulkan di dalam satu pangkalan data *Microsoft Excel*.

Setiap aktiviti yang dijalankan perlu mematuhi prosedur yang telah ditetapkan melalui **Kursus Pengurusan Operasi (KPO)**. KPO disokong sepenuhnya agar ianya akan diteruskan pada masa akan datang bagi **menerap nilai-nilai kepimpinan, mengurus tadbir perjalanan program dan kemahiran komunikasi dalam diri pelajar**. Melalui program pengurusan KPO, pegawai dari BHEP, BHEA dan Bendahari berkongsi maklumat dan ilmu mengenai cara yang tepat dalam prosedur penghantaran kertas kerja dan pengurusan kewangan. Oleh yang demikian, program seperti ini membantu **melahirkan pelajar yang mampu memimpin dan seterusnya mampu bersaing di peringkat antarabangsa**. Ini bertepatan dengan **objektif kualiti BHEP** iaitu memastikan bilangan pelajar dalam **program kepimpinan dan khidmat masyarakat** di peringkat **nasional dan antarabangsa (Rujuk Rajah 4.1.1)**. Melalui penambahbaikan proses yang dijalankan dan peranan yang dimainkan oleh BHEP, maka UiTMCNS telah berjaya menyertai 9 program di peringkat lokal dan 4 program diperingkat antarabangsa. Rajah 4.4.3.2 (UiTMCNS_4.4.3.b) seterusnya menunjukkan senarai Projek Industri Kreatif yang telah dihadiri oleh **#championstudents**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0083_A01_AB04_AC03_20241_UiTMCNS_4.4.3.a Pengukuran, Analisa dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
2. [K0083_A01_AB04_AC03_20242_UiTMCNS_4.4.3.b Pengukuran, Analisa dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kolaborasi antara BHEP UiTMCNS dan persatuan dan kelab membantu dalam menggerakkan dan melaksanakan proses penambahbaikan. Selain itu, pelbagai anugerah, pingat dan hadiah yang telah diperolehi dari pertandingan yang dianjurkan oleh pihak selain UiTM termasuklah rakan kerjasama strategik. Hubungan ini bukan sahaja dapat mengeratkan lagi ikatan silaturrahim, malahan dapat membawa nama baik UiTMCNS lebih dikenali ramai. Rajah 4.5.1 (UiTMCNS_4.5.a) menunjukkan program yang dianjurkan secara kolaborasi bersama agensi luar.

Hasil dari kerjasama tersebut, pembangunan bakat pelajar dari Pertandingan Seni Warisan Budaya Randai yang dianjurkan oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) membuahkan hasil yang memberangsangkan dengan memperoleh jumlah kemenangan dari ketiga-tiga kampus sebanyak RM12,000 seperti rajah di bawah. Rajah 4.5.2 (UiTMCNS_4.5.b) menunjukkan pertandingan yang dimenangi oleh UiTMCNS pada tahun 2023.

Oleh yang demikian, **Petunjuk Prestasi Utama yang dicapai oleh UiTMCNS adalah melalui anugerah yang diterima oleh dua pelajar dari UiTMCNS iaitu Nor Muzdaliffah binti Mazlan dan Ahmad Syakirin bin Salihin pada Festival Seni Budaya Mahasiswa UiTM Se-Malaysia (FESMA) 2024 yang berlangsung pada 2 Mac hingga 7 Mac 2024.** Rajah 4.5.3 (UiTMCNS_4.5.c) menunjukkan kategori anugerah yang dimenangi oleh Nor Muzdaliffah dan Ahmad Syakirin.

SENARAI BUKTI :

1. [K0083_A01_AB05_20241_UiTMCNS_4.5.a Pengukuran, Analisa dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
2. [K0083_A01_AB05_20242_UiTMCNS_4.5.b Pengukuran, Analisa dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
3. [K0083_A01_AB05_20243_UiTMCNS_4.5.c Pengukuran, Analisa dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) amat menitikberatkan suasana kerja yang kondusif dan penglibatan tenaga kerja yang menyeluruh dalam menyokong visi, misi, dan objektif kualiti universiti. BHEP UiTMCNS menggunakan pendekatan Model *PDCA* dalam perancangan strategiknya.

Perancangan (*Plan*)

BHEP di UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah merangka satu pelan strategik yang komprehensif untuk meningkatkan kualiti sumber manusia dalam organisasi. Pelan ini merangkumi beberapa aspek utama seperti pembangunan profesional, latihan berterusan, kesejahteraan staf, dan pengukuhan nilai kebudayaan. Negeri Sembilan terkenal dengan budaya dan adatnya, dan BHEP turut menekankan kepentingan memelihara kebudayaan Negeri Sembilan dalam pelan strategik ini. Objektif utama adalah untuk memastikan setiap staf mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk menyokong misi dan visi universiti berdasarkan empat *pillar* utama: membangunkan *World Class Faculty Members*, meningkatkan *Globally Tuned Staff*, memperkasakan *Excellent Support Staff*, dan *Highly Involved Industry & Community* serta berpegang kepada slogan universiti iaitu "*Renowned University*". Penekanan juga diberikan kepada pemupukan nilai-nilai kebudayaan tempatan dan antarabangsa dalam kalangan staf dan pelajar bagi menghasilkan "*Global Tuned Staff*" dan **#championstudents**.

Pelaksanaan (*Do*)

Pelaksanaan pelan ini melibatkan beberapa inisiatif utama. Antaranya termasuklah program latihan dan bengkel yang dijalankan secara berkala untuk meningkatkan kemahiran teknikal dan *soft skills* staf, serta memperkukuhkan pemahaman mereka terhadap kepelbagaian kebudayaan. BHEP juga mengadakan sesi kaunseling dan bimbingan untuk membantu staf dalam menguruskan tekanan kerja dan meningkatkan kesejahteraan mental. Program *mentoring* diperkenalkan untuk membimbing staf baru dan memastikan mereka dapat menyesuaikan diri dengan cepat dalam persekitaran kerja. Selain itu, aktiviti kebudayaan seperti sambutan perayaan, pameran kebudayaan, dan ceramah tentang kepentingan budaya dalam organisasi turut dianjurkan untuk memupuk semangat perpaduan dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya. Penekanan khusus diberikan kepada budaya Negeri Sembilan, dengan inisiatif yang bertujuan untuk memastikan budaya dan adat Negeri Sembilan terpelihara dan dihormati dalam setiap aspek kehidupan kampus.

Pemantauan (*Check*)

Untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan pelan, BHEP telah menetapkan mekanisme pemantauan yang ketat. Ini termasuk penilaian prestasi berkala (LNPT), maklum balas daripada staf, dan analisis data prestasi. BHEP juga menggunakan sistem pengurusan kualiti untuk mengesan sebarang isu atau kekurangan dalam pelaksanaan program. Laporan penilaian ini dibentangkan kepada pihak pengurusan untuk tindakan lanjut. Aspek kebudayaan turut dipantau melalui penilaian kesan program kebudayaan terhadap kesejahteraan dan integrasi staf dalam organisasi. Pemantauan ini juga memberi tumpuan kepada keberkesanan usaha dalam mengekalkan dan mempromosikan kebudayaan Negeri Sembilan.

Tindakan Penambahbaikan (*Act*)

Berdasarkan hasil pemantauan, BHEP mengambil tindakan penambahbaikan yang diperlukan. Ini termasuk mengemas kini modul latihan, memperkenalkan teknologi baru dalam proses kerja, dan menambah baik program kesejahteraan serta kebudayaan staf. BHEP juga mengadakan sesi perbincangan dengan staf untuk mendapatkan cadangan dan maklum balas yang konstruktif. Tindakan penambahbaikan ini bertujuan untuk memastikan pelan strategik sentiasa relevan dan berkesan dalam meningkatkan kualiti sumber manusia serta memperkukuhkan nilai kebudayaan, terutama kebudayaan Negeri Sembilan, di UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

Dengan pendekatan yang sistematik ini, BHEP UiTM Cawangan Negeri Sembilan berjaya memastikan sumber manusia organisasi sentiasa berada pada tahap optimum, selaras dengan matlamat universiti untuk mencapai kecemerlangan dalam pendidikan tinggi sambil memupuk kesedaran dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya serta menjaga warisan budaya dan adat Negeri Sembilan.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan UiTMCNS telah melaksanakan pelan strategik yang memfokuskan kepada pembangunan bakat dan kemahiran staf. Program-program seperti latihan berterusan, kursus profesional, dan bengkel peningkatan kemahiran dijalankan secara berkala. Staf juga didorong untuk terlibat dalam projek penyelidikan dan kolaborasi industri, di mana ia bukan sahaja meningkatkan kepakaran mereka tetapi juga menyumbang kepada pembangunan institusi. Di samping itu, pelan ini turut menekankan kepentingan menjaga dan mempromosikan budaya Negeri Sembilan, yang terkenal dengan adat dan tradisi uniknya. Aktiviti kebudayaan tempatan dijadikan sebahagian daripada inisiatif pembangunan staf, bagi memastikan nilai-nilai tradisional terus dihayati dan diamalkan dalam persekitaran kerja. Unit Kebudayaan diwujudkan untuk menjaga kebudayaan Negeri Sembilan seperti pada Rajah 5.2.1 (UiTMCNS_5.2.a).

Sistem Pemantauan dan Penilaian Prestasi

Pengurusan telah memperkenalkan sistem penilaian prestasi yang komprehensif untuk memastikan keberkesanan setiap inisiatif yang diambil. Penilaian berterusan menggunakan laporan LNPT seperti Rajah 5.2.2 (UiTMCNS_5.2.b) dengan minimum markah 85%, pengurusan dapat mengenalpasti kekuatan dan kelemahan dalam sumber manusia dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sistem maklum balas dalaman seperti eGOAL, eSTAGE dan eSTUDIO seperti Rajah 5.2.3 (UiTMCNS_5.2.c) juga digunakan untuk memantau kepuasan pelanggan dan keberkesanan program yang dijalankan. Aspek pemeliharaan dan pemeraksanaan budaya Negeri Sembilan turut dinilai sebagai salah satu kriteria dalam penilaian prestasi staf, yang mana staf digalakkan untuk mengambil bahagian dalam program yang mempromosikan adat dan budaya tempatan.

Pengiktirafan dan Penghargaan kepada Sumber Tenaga Manusia

Pengurusan UiTMCNS mengiktiraf sumbangan staf melalui pelbagai bentuk penghargaan. Anugerah seperti “Anugerah Perkhidmatan Cemerlang” seperti Rajah 5.2.4 (UiTMCNS_5.2.d) diberikan kepada staf yang menunjukkan prestasi luar biasa dalam bidang tumpuan mereka. Selain itu, insentif dalam bentuk kenaikan pangkat dan peluang untuk mengikuti program pembangunan profesional di dalam negara juga ditawarkan sebagai penghargaan. Pengurusan juga mengambil kira penglibatan staf dalam usaha memelihara budaya Negeri Sembilan sebagai salah satu faktor dalam pemberian penghargaan ini.

Penglibatan dan Komunikasi yang Berkesan

Pengurusan memastikan penglibatan aktif staf melalui sesi dialog dan mesyuarat berkala seperti Rajah 5.2.5 (UiTMCNS_5.2.e). Ini membolehkan pengurusan mendengar pandangan, cadangan, dan maklum balas dari staf, sekaligus memastikan mereka terlibat dalam proses membuat keputusan. Pengurusan juga menekankan pentingnya komunikasi terbuka untuk mengukuhkan hubungan kerja antara staf dan pengurusan. Dalam usaha untuk memupuk perpaduan dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya, pengurusan juga menganjurkan sesi perbincangan yang khusus untuk membincangkan cara-cara terbaik memelihara dan mengukuhkan budaya Negeri Sembilan di dalam kampus.

Pendekatan berstruktur ini memastikan bahawa sumber manusia di UiTMCNS sentiasa berada dalam keadaan terbaik untuk menyokong bidang tumpuan yang dipilih, sekaligus menyumbang kepada kejayaan keseluruhan organisasi sambil menjaga warisan budaya Negeri Sembilan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0083_S01_SB02_20241_UiTMCNS_5.2.a Sumber Manusia.pdf](#)
2. [K0083_S01_SB02_20242_UiTMCNS_5.2.b Sumber Manusia.pdf](#)
3. [K0083_S01_SB02_20243_UiTMCNS_5.2.c Sumber Manusia.pdf](#)
4. [K0083_S01_SB02_20244_UiTMCNS_5.2.d Sumber Manusia.pdf](#)

5. [K0083_S01_SB02_20245_U11MCNS_5.2.e Sumber Manusia.ppt](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan sumber manusia di UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) memainkan peranan penting dalam menjayakan bidang tumpuan yang telah dipilih. Melalui pendekatan sistematik dan strategik, pengurusan telah mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia untuk mencapai matlamat organisasi.

Pengoptimuman Kepakaran dan Pengalaman Sumber Manusia

1. Pembangunan Kepakaran Melalui Latihan dan Inovasi

Pengurusan menyediakan pelbagai program latihan dan pembangunan untuk staf dan pelajar. Program Latihan Pengurusan Bakat Staf dan pengurusan acara, yang dikendalikan oleh Penolong Pegawai Kebudayaan (PPK), Encik Mohd Shahril Mohd Sani, memperkasakan kemahiran staf dalam pengurusan bakat, kesenian, dan kebudayaan. Encik Mohd Shahril juga terlibat dalam projek 'Randai Somondo' sebagai penulis dan mendapat hak cipta seperti Rajah 5.3.1 (UiTMCNS_5.3.a). Di samping itu, Cik Dzeelfa Zainal Abidin, seorang staf yang juga pensyarah, belajar lakonan teater dan pengarah pentas di *Revolution Stage (RS)*, sebuah syarikat teater, turut memberi sumbangan besar dengan melibatkan diri dalam kerja-kerja lakonan dan pengarah bersama *RS*, memperkayakan pengalaman budaya di kampus. Kedua-dua staf ini adalah contoh staf yang berkepakaran dan aktif dalam aktiviti kebudayaan seperti Rajah 5.3.2 (UiTMCNS_5.3.b). Inovasi seperti sistem maklum balas seperti Rajah 5.3.3 (UiTMCNS_5.3.c) diperkenalkan untuk memantau dan meningkatkan kepuasan pelanggan.

2. Penglibatan Staf dalam Projek Industri Kreatif Staf UiTMCNS terlibat aktif dalam projek industri kreatif di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, termasuk projek SENI GOAL dan SENI STAGE yang mengangkat projek 'Randai Somondo'. Penglibatan ini bukan sahaja meningkatkan pengalaman dan kepakaran staf tetapi juga memperkukuh hubungan strategik dengan agensi luar seperti RTM, Majlis Bandaraya Seremban, dan institusi antarabangsa. Cik Dzeelfa dan Encik Shahril banyak terlibat dalam lakonan, pengarah teater dan terlibat secara aktif dengan Kelab Kebudayaan UiTMCNS seperti Kelab Ragenda, Simectra dan Abstrak seperti Rajah 5.3.4 (UiTMCNS_5.3.d)

3. Pengurusan Risiko dan Pemantauan Berterusan Pengurusan mengenalpasti dan mengurus risiko melalui Mesyuarat Pengurusan Dalaman (MPD) dan Sistem maklum balas seperti Rajah 5.3.3 (UiTMCNS_5.3.c) digunakan untuk memantau aktiviti pelanggan dan mengenalpasti punca risiko.

Kerjasama dan Sinergi dengan Pelanggan Dalaman dan Luaran

Pengurusan menjalin kerjasama erat dengan pelanggan dalaman, termasuk pelajar dan staf, serta pelanggan luaran seperti agensi kerajaan, industri, dan komuniti seperti Rajah 5.3.5 (UiTMCNS_5.5.e). Sinergi ini telah meningkatkan ketampakan dan reputasi UiTMCNS di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [K0083_S01_SB03_20241_UiTMCNS_5.3.a Sumber Manusia.pdf](#)
2. [K0083_S01_SB03_20242_UiTMCNS_5.3.b Sumber Manusia.pdf](#)
3. [K0083_S01_SB03_20243_UiTMCNS_5.3.c Sumber Manusia.pdf](#)
4. [K0083_S01_SB03_20244_UiTMCNS_5.3.d Sumber Manusia.pdf](#)
5. [K0083_S01_SB03_20245_UiTMCNS_5.3.e Sumber Manusia.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Tahap Kepuasan Hati Sumber Manusia

Berdasarkan analisis maklum balas yang dikumpulkan melalui sistem seperti Rajah 5.2.3 (UiTMCNS_5.2.c), tahap kepuasan hati sumber manusia di UiTMCNS adalah sangat memberangsangkan. Kebanyakan staf menyatakan keselesaan dengan persekitaran kerja dan menghargai usaha pengurusan dalam menyediakan kemudahan yang mencukupi. Namun, beberapa aspek memerlukan perhatian untuk memastikan kepuasan berterusan.

Aduan Sumber Manusia

Walaupun tahap kepuasan hati adalah tinggi, terdapat beberapa aduan yang diterima dan diuruskan oleh pengurusan. Aduan utama melibatkan isu keberadaan peralatan kesenian dan kebudayaan mudah alih serta ketepatan pengurusan data penggunaan studio latihan dan peralatan muzik. Aduan ini dikenalpasti melalui sistem maklum balas eGOAL dan eSTAGE serta dibincangkan dalam MPD seperti Rajah 5.2.4 (UiTMCNS_5.2.d). Pengurusan telah mengakui keperluan untuk memperbaiki pengurusan logistik peralatan dan memastikan akses kepada sumber-sumber ini lebih teratur.

Tindakan Penambahbaikan

Pengurusan UiTMCNS telah mengambil beberapa langkah penambahbaikan untuk menangani aduan dan meningkatkan kepuasan hati sumber manusia:

1. Mesyuarat Berkala dan Perkongsian Takwim

Mesyuarat berkala seperti Rajah 5.2.4 (UiTMCNS_5.2.d) diadakan untuk membincangkan maklum balas dan aduan yang diterima. Takwim mesyuarat dikongsi pada awal tahun untuk memastikan semua warga BHEP dapat merancang dan menghantar kertas kerja berkaitan kebudayaan, kesenian, dan warisan dengan lebih efisien.

2. Pengurusan Maklum Balas Pelanggan

Proses Pengurusan Aduan Maklumat Pelanggan dan Pengurusan Maklum Balas Pelanggan diperkenalkan untuk memastikan aduan dan maklum balas dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang singkat dan diurus dengan cekap. Hasil analisis maklum balas dibentangkan dalam Mesyuarat Bulanan BHEP untuk diperhalusi dan ditambahbaik.

Pendekatan ini memastikan pengurusan yang lebih responsif terhadap aduan, sekaligus meningkatkan tahap kepuasan dan kecekapan dalam pengurusan sumber manusia di UiTMCNS.

SENARAI BUKTI:

1. [K0083_S01_SB04_SC01_20241_UiTMCNS_5.4.1.a Sumber Manusia.pdf](#)

2. [K0083_S01_SB04_SC01_20242_UiTMCNS_5.4.1.b Sumber Manusia.pdf](#)

- 3.

- 4.

- 5.

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko dalam pengurusan sumber manusia di UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) dilaksanakan melalui pendekatan yang berstruktur dan berterusan untuk mengenalpasti, menilai, dan mengurus risiko yang berpotensi menjejaskan keberkesanan operasi. Proses pengurusan risiko ini adalah komponen penting dalam memastikan kestabilan dan keberkesanan pengurusan sumber manusia, serta menyokong pencapaian matlamat organisasi.

Proses Pengurusan Risiko

1. Pengenalpastian Risiko

Risiko dikenal pasti melalui beberapa saluran utama, termasuk mesyuarat Pengurusan Dalam (MPD) seperti Rajah 5.4.2.1 (UiTMCNS_5.4.2.a), sistem maklum balas eGOAL dan eSTAGE Rajah 5.4.2.2 (UiTMCNS_5.4.2.b), serta laporan dari jabatan dan unit berkaitan. Sebagai contoh, isu keberadaan peralatan kesenian dan kebudayaan mudah alih yang tidak mencukupi telah dikenalpasti sebagai risiko yang boleh menjejaskan kepuasan staf dan kualiti program. Pengurusan juga mengenal pasti risiko yang berkaitan dengan ketepatan data dalam sistem pengurusan studio Rajah 5.4.2.3 (UiTMCNS_5.4.2.c) dan peralatan muzik, yang berpotensi mengganggu operasi harian.

2. Penilaian dan Prioriti Risiko

Setiap risiko yang dikenalpasti dinilai berdasarkan impaknya terhadap organisasi dan kemungkinan berlakunya. Risiko yang mempunyai impak tinggi, seperti isu logistik peralatan kebudayaan, diberikan keutamaan dalam tindakan penambahbaikan. Proses ini memastikan pengurusan sumber manusia dapat menumpukan usaha pada risiko yang paling kritikal.

3. Tindakan Mitigasi dan Penambahbaikan

Berdasarkan penilaian risiko, pengurusan UiTMCNS melaksanakan tindakan mitigasi yang sesuai. Contohnya, untuk menangani risiko kekurangan peralatan kebudayaan, pengurusan telah memperkenalkan proses pemantauan stok yang lebih teliti dan memastikan akses yang lebih baik kepada peralatan tersebut. Selain itu, pengurusan data yang lebih cekap diperkenalkan untuk memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan maklumat yang digunakan dalam operasi harian.

4. Pemantauan dan Pengulangan Proses

Pengurusan risiko adalah proses berterusan yang memerlukan pemantauan dan penilaian semula secara berkala. Mesyuarat berkala dan laporan prestasi digunakan untuk memantau keberkesanan tindakan mitigasi dan mengenal pasti sebarang risiko baru yang mungkin timbul. Pengurusan juga menggunakan maklum balas staf dan data prestasi untuk menilai keberkesanan tindakan yang telah diambil dan membuat penyesuaian jika perlu.

Kesimpulan

Pendekatan pengurusan risiko yang sistematik ini memastikan UiTMCNS dapat mengurangkan impak negatif dan meningkatkan kecekapan dalam pengurusan sumber manusia, sambil terus menyokong pencapaian matlamat organisasi secara keseluruhan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0083_S01_SB04_SC02_20241_UiTMCNS_5.4.2.a Sumber Manusia.pdf](#)
2. [K0083_S01_SB04_SC02_20242_UiTMCNS_5.4.2.b Sumber Manusia.pdf](#)
3. [K0083_S01_SB04_SC02_20243_UiTMCNS_5.4.2.c Sumber Manusia.pdf](#)
- 4.

3.

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan risiko di UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) adalah penting untuk memastikan keberkesanan pengurusan sumber manusia dan menyokong pencapaian objektif organisasi. Melalui pendekatan proaktif, risiko dikenalpasti, dianalisis, dan diurus dengan teliti.

Antara Risiko:

1. Kekurangan Staf Pelbagai Kaum: Kebanyakan staf adalah bumiputera, yang boleh menyebabkan kekurangan kepelbagaian kaum dalam aktiviti kebudayaan.
2. Kekurangan Masa untuk Penglibatan dalam Kebudayaan: Staf akademik menghadapi kekangan masa akibat tugas pengajaran dan konsultasi yang padat, menghalang penyertaan aktif dalam aktiviti kebudayaan.
3. Kekurangan Bakat di Kalangan Staf: Kekurangan bakat dalam bidang kesenian dan kebudayaan boleh menyukarkan penganjuran program berkualiti.
4. Kekurangan Bajet: Kekurangan dana untuk aktiviti kebudayaan mengehendkan pelaksanaan program dan pembelian peralatan yang diperlukan.

Langkah Pengurusan Risiko:

1. Peningkatan Kepelbagaian Staf: Pengurusan memperkenalkan strategi pengambilan yang lebih inklusif seperti Rajah 5.4.3.1 (UiTMCNS_5.4.3.a) untuk menarik staf daripada pelbagai kaum, serta menawarkan insentif bagi menarik bakat daripada latar belakang yang berbeza.
2. Penjadualan Fleksibel: Jadual kerja yang lebih fleksibel diperkenalkan untuk membolehkan staf akademik menyertai aktiviti kebudayaan tanpa menjejaskan tugas pengajaran, disokong dengan mesyuarat berkala untuk memantau beban kerja.
3. Pembangunan Bakat: Program pembangunan bakat dilaksanakan untuk mengenal pasti dan mengasah kemahiran dalam kalangan staf, terutama dalam bidang kesenian dan kebudayaan, memastikan pelaksanaan program yang berkualiti.
4. Penambahan Sumber dan Bajet: Pengurusan mencari sumber dana tambahan melalui kerjasama dan penajaan, serta memohon bajet khas untuk memastikan kelangsungan program kebudayaan.

Pemantauan dan Penambahbaikan Berterusan: Pengurusan risiko dipantau secara berterusan melalui sistem maklum balas seperti eGOAL, eSTAGE dan eSTUDIO seperti Rajah 5.2.3 (UiTMCNS_5.2.c). Tindakan segera diambil berdasarkan maklum balas untuk memperbaiki persekitaran kerja dan meningkatkan kepuasan serta penglibatan staf.

Melalui langkah-langkah ini, UiTMCNS berjaya mengurus risiko dengan cekap, mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan menyokong matlamat organisasi.

SENARAI BUKTI :

1. [K0083_S01_SB04_SC03_20241_UiTMCNS_5.4.3.a Sumber Manusia.pdf](#)
2. [K0083_S01_SB04_SC03_20242_UiTMCNS_5.4.3.b Sumber Manusia.pdf](#)
3. [K0083_S01_SB04_SC03_20243_UiTMCNS_5.4.3.c Sumber Manusia.pdf](#)
- 4.
- 5.

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Tahap pembudayaan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) telah menunjukkan peningkatan yang ketara hasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan dalam pengurusan risiko dan sumber manusia. Usaha yang diambil telah berjaya memupuk persekitaran kerja yang lebih inklusif, efisien, dan responsif terhadap keperluan semua pihak yang terlibat.

Pembudayaan Kepelbagaian Kaum:

Dengan peningkatan kepelbagaian dalam kalangan staf (seperti Rajah 5.4.3.1-UiTMCNS_5.4.3.a) melalui strategi pengambilan yang inklusif, UiTMCNS kini lebih mencerminkan kepelbagaian budaya Malaysia. Ini telah membolehkan pelaksanaan program kebudayaan yang lebih kaya dan berwarna-warni, di mana semua etnik dapat diwakili dan dihargai. Pembudayaan ini telah membawa kepada peningkatan dalam kesedaran dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya di kalangan staf dan pelajar.

Penglibatan Aktif dalam Aktiviti Kebudayaan:

Penjadualan kerja yang lebih fleksibel membolehkan staf akademik untuk lebih aktif terlibat dalam aktiviti kebudayaan tanpa mengorbankan tanggungjawab pengajaran dan konsultasi mereka. Ini telah mencipta budaya kerja yang lebih seimbang, di mana staf tidak hanya fokus kepada tugas akademik, tetapi juga berperanan dalam memperkayakan kehidupan kampus melalui penyertaan dalam program kesenian dan kebudayaan. Cik Dzeelfa dan Encik Shahril seperti Rajah 5.3.3 (UiTMCNS_5.3.c) aménunjukkan bahawa staf juga dapat meluangkan masa dengan melibatkan diri dalam aktiviti kebudayaan di peringkat global.

Pembudayaan Pembangunan Bakat:

Program pembangunan bakat yang diperkenalkan telah melahirkan staf yang lebih berkemahiran dalam bidang kesenian dan kebudayaan (Sebagai contoh Encik Shahril dan Cik Dzeelfa). Ini bukan sahaja meningkatkan kualiti program yang dianjurkan, tetapi juga memupuk budaya pembelajaran berterusan dalam kalangan staf. Mereka kini lebih yakin dan mampu untuk meneroka bakat serta minat mereka dalam bidang kesenian, yang sebelumnya mungkin kurang diberi perhatian.

Pengurusan Sumber yang Lebih Berkesan:

Dengan penambahan sumber dan bajet melalui kerjasama dan penajaan seperti Rajah 5.5.1 (UiTMCNS_5.5.a), UiTMCNS telah dapat memastikan kelangsungan program kebudayaan yang berkualiti tinggi. Ini telah menanamkan budaya pengurusan yang lebih cekap dan bertanggungjawab dalam kalangan pengurusan, memastikan setiap sumber yang diperolehi digunakan dengan optimum untuk manfaat semua pihak. Selain itu, kelab kebudayaan seperti Kelab Abstrak, Ragenda dan Simectra berjaya menjana pendapatan sendiri melalui aktiviti kebudayaan mereka.

Kesemua tindakan penambahbaikan ini telah menghasilkan tahap pembudayaan yang lebih tinggi di UiTMCNS, di mana kesedaran, penghargaan, dan penyertaan dalam aktiviti kebudayaan menjadi sebahagian daripada identiti kampus. Integrasi yang berjaya ini telah menyokong pencapaian matlamat organisasi dan meningkatkan kepuasan serta penglibatan staf dan pelajar.

SENARAI BUKTI :

1. [K0083_S01_SB05_20241_UiTMCNS_5.5.a Sumber Manusia..pdf](#)
2. [K0083_S01_SB05_20242_UiTMCNS_5.5.b Sumber Manusia..pdf](#)
3. [K0083_S01_SB05_20243_UiTMCNS_5.5.c Sumber Manusia.pdf](#)
- 4.
- 5.

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

OPERASI BERSEPADU UiTMCNS KE ARAH GLOBALLY RENOWNED UNIVERSITY

Tunjang kepada kejayaan sesuatu pelaksanaan dan dasar yang dibentuk adalah melalui kaedah operasi yang lancar, mampan dan tersusun. Dengan mengambil aspirasi UiTM 2025 iaitu *Globally Renowned Locally Rooted* serta kemampuan bagi melaksana motto **#championstudents**. Untuk menyahut seruan Universiti Teknologi MARA dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, sebuah model kecemerlangan operasi telah dibentuk untuk memastikan kelicinan operasi dalam pelaksanaan setiap aktiviti yang dirangka.

Pendekatan model operasi yang dilaksanakan daripada struktur organisasi ini dibentuk dengan tiga (3) proses utama untuk mencapai pendekatan jana dan jimat dalam pelaksanaan setiap program yang dirancang. Tiga (3) proses utama tersebut adalah melalui keterlibatan dalam **(i) pertandingan, (ii) rakan kerjasama strategik bersama organisasi luar dan (iii) jemputan persembahan samada daripada rakan strategik**, atau daripada pelanggan yang menghargai bakat pelajar ini. Untuk menyebarluaskan dan memastikan ianya dapat dilaksanakan dengan teratur dan kemas; susunan operasi bagi sebagai pendekatan utama pengoperasian di mana ianya terbahagi kepada tiga (3) tahap pengoperasian **Tahap 1** - Pembuat dasar dan pembuat keputusan (*Planning / Leading*), **Tahap 2** - Pengelola dan koordinator program (*Organising / Leading*) dan **Tahap 3** - Pelaksana (*Organising / Controlling*). Warga UiTMCNS baik dari warga akademik atau warga sokongan dilihat memberi sokongan padu kepada dasar dan pelaksanaan aktiviti anjuran Unit Kebudayaan ini dengan mencapai aras kerjasama yang padu dan komunikasi cemerlang dengan kejayaan setiap program pelaksanaan.

Perluasan komunikasi berkesan ini dikuatkan lagi melalui penubuhan SENI GOAL dan SENI STAGE, kaedah peluasan ini dapat dijayakan dalam bentuk **Global (GOAL)** dan **Lokal (STAGE)**. Hasil pelaksanaan ini telah menjadikan Unit Kebudayaan UiTMCNS sebagai sebuah unit yang berdaya saing di dalam pengurusan, memenuhi aspirasi universiti dan meningkatkan kebolehpasaran pelajar secara amnya.

Manakala, bagi aspek **pemantauan** pula, ianya dilakukan untuk menilai pencapaian semasa melalui pelaksanaan strategi dan langkah yang ditetapkan. Indikator pencapaian yang telah ditentukan bagi setiap langkah menjadi tanda aras untuk menentukan sasaran pencapaian dalam bentuk kuantiti yang boleh dinilai. Pengukuran pencapaian juga telah disediakan untuk menentukan sasaran yang ingin dicapai bagi setiap langkah yang dinyatakan dengan lebih jelas. Bagi memastikan pelaksanaan setiap projek yang dipetakan kepada BHEP mencapai sasaran, pengurusan UiTMCNS menerapkan dua jenis elemen pemantauan untuk mengemaskini pencapaian data *PI* serta kemajuan projek inisiatif iaitu kaedah *Bottom Up* dan *Top Down*.

Dua kaedah seperti yang disebut juga dapat mengimbal balik konsep pengurusan risiko dalam pelaksanaan struktur operasi. Pengurusan risiko merupakan salah satu strategi efektif bagi mengurangkan implikasi negatif yang boleh memberi impak kepada pencapaian data *PI* serta kemajuan projek inisiatif UiTMCNS yang telah dirangka sepanjang tahun 2023. UiTMCNS telah mengklasifikasikan tiga bentuk risiko dalam pelaksanaan projek industri kreatif SENI STAGE dan SENI GOAL iaitu risiko operasi, kewangan dan reputasi. Kesimpulannya, melalui inisiatif **#championstudents** yang diwujudkan serta dengan mengaplikasi konsep jana dan jimat, mampu membentuk sebuah konsep pengurusan operasi secara bersepadu oleh UiTMCNS di bawah kelolaan BHEP dan Unit Kebudayaan selaku unit tanggungjawab. Impak kecemerlangan operasi ini telah dapat dilihat dengan penghasilan dan keterlibatan program yang berimpak tinggi di peringkat Global dan peringkat lokal serta komuniti setempat.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Berasaskan kepada definisi *Globally Renowned Locally Rooted* untuk meningkatkan kemampuan operasi dalam merangka dan melaksanakan kesemua program yang berteraskan **#championstudents**, kerangka model dalam struktur organisasi telah digunapakai dalam memastikan kelicinan operasi semua program tersebut. Model operasi yang dilaksanakan daripada struktur organisasi ini dibentuk dengan tiga (3) proses utama untuk mencapai pendekatan jana dan jimat dalam pelaksanaan setiap program yang dirancang iaitu **(i) pertandingan, (ii) rakan kerjasama strategik dan (iii) jemputan persembahan** samada daripada rakan strategik, atau daripada pelanggan yang menghargai bakat pelajar pelajar ini.

Pengukuhan model penyusunan operasi ini seperti yang dilihat di struktur organisasi di Rajah 6.2.1 (UiTMCNS_6.2.a) amat penting dalam menyeimbangkan ketiga tiga jenis model operasi yang dibentuk memandangkan ianya terdiri daripada tiga (3) konsep pendekatan yang berbeza. Bertunjangan kepada dasar yang dibentuk, kelicinan struktur organisasi ini bertujuan bagi mencapai dua (2) objektif yang dirangka iaitu :

(i) Untuk melaporkan dan mengemaskini pencapaian data *PI*

(ii) Untuk melaporkan dan mengemaskini pencapaian projek inisiatif

Perancangan strategik dan model operasi ini dipandu melalui penubuhan unit khas Kebudayaan di bawah kelolaan Penolong Pegawai Kebudayaan (PPK) yang dilantik oleh UiTMCNS bagi menjalankan dan menyusunatur segala aktiviti dan program kebudayaan. Rajah 6.2.2 (UiTMCNS_6.2.b) telah menunjukkan pendekatan utama pengoperasian dan justifikasinya adalah seperti berikut:

Tahap 1 : Pembuat dasar dan pembuat keputusan (*Planning / Leading*)

i) Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab sepenuhnya mengenai keselamatan dalam Jabatannya seperti yang ditetapkan di Para 16 Buku Arahan Keselamatan Kerajaan. Dengan perancangan ketua jabatan, keperluan lantikan pegawai tadbir urus kebudayaan seperti Rajah 6.2.3 (UiTMCNS_6.2.c) sangat bertepatan. Pucuk pimpinan UiTMCNS yang diketuai oleh Rektor dan dibantu oleh TRHEP sebagai punca kuasa Unit Kebudayaan telah melantik seorang Pegawai Kebudayaan bagi mengelolakan segala perancangan dan pelaksanaan kaedah pengoperasian.

ii) Penubuhan dua (2) projek iaitu **SENI GOAL** dan **SENI STAGE**. Surat penubuhan projek Mega tersebut ada di Rajah 6.2.4 (UiTMCNS_6.2.d)

iii) Melalui jalinan *MoU* dan *MoA* dengan rakan kerjasama bagi memberi peluang kepada unit kebudayaan untuk terlibat secara langsung di dalam penganjuran dan pengoperasian seperti menjadi *Stage Manager* dan *Floor Manager* bagi Malam Perasmian International Seremban Fest. Surat lantikan rakan kerjasama seperti di Rajah 6.2.5.1 (UiTMCNS_6.2.e)

Tahap 2 - Pengelola dan koordinator program (*Organising / Leading*)

i) Melalui jalinan rakan kerjasama yang dirancang, pelbagai sesi jemputan persembahan dan siri pertandingan dapat disertai oleh pelajar sehingga mendapat pengiktirafan dan kemenangan kepada kontingen yang dilantik.

ii) Keaktifan penganjuran dan kelicinan struktur organisasi pengurusan, meningkatkan minat pelajar dan imej kelab kebudayaan yang berkenaan dan membuatkan pelajar sentiasa bersemangat untuk mengetengahkan bakat yang ada. Pembuktian keterlibatan jawatankuasa adalah seperti di Rajah 6.2.5.2 (UiTMCNS_6.2.e)

Tahap 3 - Pelaksana (*Organising / Controlling*)

i) Operasi dan penganjuran semua program yang telah sokongan padu BHEP dalam pelaksanaan program melalui sokongan sumber manusia dan kewangan telah memberi

motivasi kepada pihak yang terlibat

ii) Segala aktiviti perlu melalui proses *post mortem* selepas setiap penganjuran demi memastikan langkah kawalan dan improvisasi dapat dilaksanakan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0083_O01_OB02_20241_UiTMCNS_6.2.a Operasi.pdf](#)
2. [K0083_O01_OB02_20242_UiTMCNS_6.2.b Operasi.pdf](#)
3. [K0083_O01_OB02_20243_UiTMCNS_6.2.c Operasi.pdf](#)
4. [K0083_O01_OB02_20244_UiTMCNS_6.2.d Operasi.pdf](#)
5. [K0083_O01_OB02_20245_UiTMCNS_6.2.e Operasi.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Unit Kebudayaan UiTMCNS dengan kelolaan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHep) kampus menggunakan **model PDCA** (*Plan, Do, Check, Action*) bagi memastikan semua program dan setiap perancangan perlu dilakukan secara sistematik demi memastikan peningkatan berterusan dapat dicapai sepenuhnya. Fasa-fasa *PDCA* ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti sesuatu proses (contoh: memudah menyelesaikan masalah, mengurangkan kecacatan pengurusan dan pelaksanaan, kecekapan dapat ditingkatkan & mengurangkan risiko). Hasil pelaksanaan ini telah menjadikan Unit Kebudayaan UiTMCNS sebagai sebuah unit yang berdaya saing di dalam pengurusan, memenuhi aspirasi universiti dan meningkatkan kebolehpasaran pelajar secara amnya. Unit Kebudayaan dengan dibantu oleh penyelaras kelab dan pelajar dilihat mampu mencapai aras kerjasama yang padu dan komunikasi cemerlang dengan kejayaan setiap program pelaksanaan. Melalui penubuhan **SENI GOAL dan SENI STAGE**, kaedah peluasan ini dapat dijayakan dalam bentuk **Global (GOAL) dan Lokal (STAGE)**.

Perluasan Peringkat Global (SENI GOAL)

- i) Mesyuarat secara berkala dengan rakan kerjasama bagi mengukuhkan aktiviti *MoU* dan *MoA* yang dirancang bagi memastikan penganjuran program secara berkesan. Isi kandungan *MoU* dan *MoA* adalah seperti Rajah 6.3.1 (UiTMCNS_6.3.a)
- ii) Penglibatan Unit Kebudayaan dan kelab kebudayaan dalam program mobiliti dan inbound outbound pelajar dalam fakulti yang terdapat di UiTMCNS seperti Program *GOP 6.0*, Program Kesukarelawan Hatyai dan juga beberapa program anjuran universiti di Indonesia seperti di Rajah 6.3.2 (UiTMCNS_6.3.b)
- iii) Kelulusan keterlibatan dalam program antarabangsa seperti Pesta Budaya Nusantara, Pameran Produk Antarabangsa dan *International Seremban Folk Fest* seperti Rajah 6.3.3 (UiTMCNS_6.3.c)

Perluasan Peringkat Lokal (SENI STAGE)

- i) Kelulusan keterlibatan dalam program komuniti dan setempat seperti Program Pesona Seni, Sayembara Randai JKKN, Sambutan Hari Merdeka Peringkat Negeri Sembilan dan pelbagai lagi seperti laporan dapat dilihat di gambaran yang ditunjukkan seperti di Rajah 6.3.4 (UiTMCNS_6.3.d)
- ii) Penglibatan staf akademik dan staf bukan akademik sebagai ahli jawatankuasa program yang dilaksanakan dapat memupuk erat jalinan kerjasama, memberi pengalaman baru dan meningkatkan skill dan bakat staf UiTMCNS secara amnya. Gambaran penglibatan ini ditunjukkan di Rajah 6.3.5 (UiTMCNS_6.3.e)
- iii) Melalui inovasi penulisan skrip teater, koreografi tarian dan Randai Sumondo serta beberapa lagi inovasi bakat yang mendapat sijil hakcipta daripada MyIPO.

Melalui kaedah **Perluasan** ini, kerangka strategi dan operasi yang dibangunkan oleh pihak UiTMCNS untuk membolehkan Unit Kebudayaan menjadi sebuah unit yang berdaya saing terbukti berkesan kerana sehingga ke waktu ini, pelbagai pengiktirafan dan kecemerlangan telah dapat digapai dengan berpandukan kepada **#championstudents** dan dalam masa yang sama mampu memberi impak kepada UiTM secara keseluruhan demi memastikan objektif dan perancangan strategik UiTM tercapai. **Sekiranya pada tahun 2023 UiTM menuju ke arah *Globally Marketable, seterusnya Globally Respected (2024)*, kini tiba masanya kita bergerak untuk menuju ke arah *Globally Renowned Locally Rooted (2025)*.**

SENARAI BUKTI :

1. [K0083_O01_OB03_20241_UiTMCNS_6.3.a Operasi.pdf](#)
2. [K0083_O01_OB03_20242_UiTMCNS_6.3.b Operasi.pdf](#)
3. [K0083_O01_OB03_20243_UiTMCNS_6.3.c Operasi.pdf](#)
4. [K0083_O01_OB03_20244_UiTMCNS_6.3.d Operasi.pdf](#)
5. [K0083_O01_OB03_20245_UiTMCNS_6.3.e Operasi.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Melalui kaedah **Bottom Up**, idea penganjuran program kebudayaan diusulkan melalui **kertas kerja** yang disediakan oleh persatuan pelajar untuk kelulusan BHEP seperti di Rajah 6.4.1.3 (UiTMCNS_6.4.1.b). Beberapa elemen akan diambil kira sebelum suatu kelulusan diberikan bagi memastikan ianya benar-benar berimpak dan dapat melahirkan mahasiswa yang berketerampilan, selari dengan slogan **#championstudents**. Selain itu, jumlah peruntukan juga turut menjadi keutamaan BHEP, di mana konsep jana dan jimat sentiasa dititikberatkan bagi memastikan kelestarian pengurusan kewangan kampus.

Seterusnya, **pemantauan** dibuat oleh BHEP melalui **laporan keberkesanan** program yang disediakan oleh penganjur seperti di Rajah 6.4.1.4 (UiTMCNS_6.4.1.c). BHEP melalui pasukan projek inisiatif akan mengemaskini rekod bilangan penganjuran serta penyertaan mahasiswa UiTMCNS dalam apa jua aktiviti berkonsepkan industri kreatif ke dalam sistem Pengarah Peneraju mengikut garis masa yang ditetapkan oleh BTU. Ia kemudiannya akan disemak oleh PSTU dan diverifikasi oleh Pengarah Peneraju serta Rektor UiTMCNS, sebelum dilaporkan ke dalam sistem UePMO dan diterbitkan di dalam sistem *Dashboard PowerAppBI BTU* seperti di Rajah 6.4.1.5 (UiTMCNS_6.4.1.c).

Bagi kaedah **Top Down**, Rektor UiTMCNS akan memajukan **surat jemputan** persembahan kebudayaan yang diterima seperti di Rajah 6.4.1.6 (UiTMCNS_6.4.1.d) kepada BHEP, di mana PPK bertanggungjawab untuk mencari bakat dalam kalangan mahasiswa yang bernaung di bawah persatuan kebudayaan. Sesi latihan persembahan akan diadakan secara berkala bersama koreografer bagi memastikan persembahan yang ditonjolkan adalah seragam.

Selain itu, melalui medium **Mesyuarat Prestasi Data PI UiTMCNS** 2023 yang diadakan setiap tiga bulan, pengurusan UiTMCNS dapat mengenalpasti kemajuan setiap projek inisiatif, prestasi terkini data *PI*, serta pelan tindakan mitigasi oleh setiap pasukan projek, berdasarkan kepada peratusan pencapaian yang telah disahkan menerusi sistem UiSMS. Sekiranya peratusan pencapaian projek inisiatif masih belum mencapai sasaran, pengurusan BHEP sentiasa mengambil langkah proaktif dengan mengadakan **perbincangan dan mesyuarat** bersama dengan pasukan projek inisiatif bagi mengenalpasti kekangan atau masalah yang dihadapi seperti di Rajah 6.4.1.7 dan Rajah 6.4.1.8 (UiTMCNS_6.4.1.e). Hasil daripada perbincangan tersebut, satu pelan intervensi akan dirangka bagi memastikan aktiviti-aktiviti bercirikan industri kreatif dapat diwujudkan di peringkat kampus.

SENARAI BUKTI:

1. [K0083_O01_OB04_OC01_20241_UiTMCNS_6.4.1.a Operasi.pdf](#)
2. [K0083_O01_OB04_OC01_20242_UiTMCNS_6.4.1.b Operasi.pdf](#)
3. [K0083_O01_OB04_OC01_20243_UiTMCNS_6.4.1.c Operasi.pdf](#)
4. [K0083_O01_OB04_OC01_20244_UiTMCNS_6.4.1.d Operasi.pdf](#)
5. [K0083_O01_OB04_OC01_20245_UiTMCNS_6.4.1.e Operasi.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko merupakan salah satu strategi efektif bagi mengurangkan implikasi negatif yang boleh memberi impak kepada pencapaian data *PI* UiTMCNS yang telah dirangka sepanjang tahun 2023. UiTMCNS mengklasifikasikan tiga bentuk risiko dalam pelaksanaan projek SENI STAGE dan SENI GOAL iaitu **risiko operasi, kewangan, dan undang-undang** seperti di Rajah 6.4.2.1 (UiTMCNS_6.4.2.a).

Penganjuran aktiviti kebudayaan terdedah kepada **risiko operasi**, di mana berkemungkinan besar **kurangnya sambutan penyertaan** daripada kalangan mahasiswa UiTMCNS. Justeru, beberapa langkah proaktif telah diambil bagi memastikan risiko adalah terkawal. Antaranya adalah dengan membuat **hebahan program secara berkala** menggunakan media sosial persatuan seperti Instagram untuk menarik minat penyertaan mahasiswa dalam program kebudayaan yang dianjurkan seperti di Rajah 6.4.2.2 (UiTMCNS_6.4.2.b).

Di samping itu, untuk setiap **jemputan persembahan kebudayaan** yang diterima pula berdepan dengan **risiko operasi, kewangan dan undang-undang**. Risiko operasi dikenalpasti berpunca daripada **kekangan keberadaan mahasiswa** di UiTMCNS dan **kesukaran dalam mendapatkan jurulatih kebudayaan profesional** untuk membantu mahasiswa sepanjang sesi latihan kebudayaan berlangsung. Hal ini adalah kerana wujudnya **ketidakselarisan** antara jemputan persembahan dengan kalendar akademik UiTM, sekaligus memerlukan Unit Kebudayaan untuk mempertimbangkan setiap tawaran persembahan yang diperolehi. Di samping itu, BHEP juga telah mengambil pendekatan untuk menggunakan PPK agar dapat **mengkoordinasi sesi latihan persembahan** bersama mahasiswa yang terlibat secara intensif, dengan memilih waktu latihan yang bersesuaian tanpa mengganggu waktu kuliah pelajar seperti di Rajah 6.4.2.3 dan Rajah 6.4.2.4 (UiTMCNS_6.4.2.c).

Risiko kewangan pula dikesan apabila UiTMCNS **tiada peruntukan yang mencukupi** bagi membuat pembelian beberapa set kostum tradisional dan props tarian. Para penari UiTMCNS hanya menggunakan satu set kostum sahaja yang dipakai berulang kali apabila melakukan persembahan. Akan tetapi, perkara ini telah dapat diatasi hasil daripada kerjasama erat dengan pihak MBS, membolehkan UiTMCNS mendapat tajaan untuk membuat sewaan kostum dan bayaran untuk para penari serta koreografer seperti di Rajah 6.4.2.5 (UiTMCNS_6.4.2.d).

Malah, salah satu risiko yang mungkin akan wujud sepanjang pelaksanaan projek industri kreatif ini adalah **risiko undang-undang**, memandangkan UiTMCNS telah menandatangani banyak *MoU/MoA* bersama dengan agensi luar seperti di Rajah 6.4.2.6 (UiTMCNS_6.4.2.e). Justeru, UiTMCNS perlu memastikan semasa dalam perancangan *MoU*, aktiviti yang dicadangkan adalah di dalam **kapasiti kemampuan setiap PTj selain tidak berlaku perlanggaran kontrak sebelum tempoh matang MoU/MoA** tersebut.

SENARAI BUKTI :

1. [K0083_O01_OB04_OC02_20241_UiTMCNS_6.4.2.a Operasi.pdf](#)
2. [K0083_O01_OB04_OC02_20242_UiTMCNS_6.4.2.b Operasi.pdf](#)
3. [K0083_O01_OB04_OC02_20243_UiTMCNS_6.4.2.c Operasi.pdf](#)
4. [K0083_O01_OB04_OC02_20244_UiTMCNS_6.4.2.d Operasi.pdf](#)
5. [K0083_O01_OB04_OC02_20245_UiTMCNS_6.4.2.e Operasi.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCNS sentiasa memastikan operasi bidang tumpuan dikaji dan ditambahbaik dari semasa ke semasa agar mencapai objektif strategi yang ditetapkan seperti di Rajah 6.4.3.1 (UiTMCNS_6.4.3.a). Ia dilaksanakan menerusi **Mesyuarat Prestasi Data PI UiTMCNS yang diadakan secara berkala setiap tiga bulan** seperti di Rajah 6.4.3.2 (UiTMCNS_6.4.3.b), di mana setiap pasukan projek inisiatif akan membentangkan prestasi terkini data *PI*, kemajuan projek inisiatif kampus serta pelan tindakan mitigasi untuk projek masing-masing. Data terkini yang telah direkodkan dalam sistem Pengarah Peneraju iaitu SmartHEP akan dimaklumkan kepada semua ahli mesyuarat, sekiranya ada tindakan penambahbaikan yang perlu dilakukan bagi memastikan pencapaian data *PI* selari dengan garis masa yang ditetapkan oleh BTU.

Selain itu, ruang-ruang penambahbaikan juga boleh dilakukan berdasarkan kepada **input laporan penutup aktiviti** yang disediakan oleh persatuan pelajar selepas menjalankan sesuatu program kebudayaan seperti di Rajah 6.4.3.3 (UiTMCNS_6.4.3.c). Kelemahan program akan dikenalpasti melalui **mesyuarat post-mortem** yang dibuat bersama dengan ahli jawatankuasa program, dan ditambah baik untuk program-program kebudayaan yang akan datang. Di samping itu, **perbincangan di antara mahasiswa-mahasiswa** yang terlibat dalam sesuatu persembahan kebudayaan bersama dengan jurulatih atau koreografer juga boleh dikira sebagai ruang penambahbaikan. Ini bertujuan untuk mewujudkan kepelbagaian dalam formasi tarian bersesuaian dengan tema sesuatu persembahan tersebut agar mutu dan kualiti persembahan mereka sentiasa ditambahbaik dari semasa ke semasa. Malah, sesi latihan persembahan yang komprehensif juga dapat membantu mahasiswa untuk membuat penambahbaikan secara berterusan dalam setiap persembahan kebudayaan yang bakal mereka tonjolkan seperti di Rajah 6.4.3.4 (UiTMCNS_6.4.3.d).

Di samping itu, salah satu langkah proaktif yang telah diambil oleh Unit Kebudayaan BHEP bagi mengurangkan risiko operasi adalah dengan mewujudkan satu **pelan mitigasi operasi program** sebelum menerima sesuatu tawaran persembahan kebudayaan daripada pihak luar seperti di Rajah 6.4.3.5 dan Rajah 6.4.3.6 (UiTMCNS_6.4.3.e). Setiap tawaran persembahan yang diterima akan dipertimbangkan terlebih dahulu pada setiap tahap operasi mengikut kesesuaian program. Malah, sekiranya sesuatu tawaran persembahan itu terpaksa ditolak, pemakluman daripada Unit Kebudayaan akan dibuat kepada pihak urusetia dengan menyatakan justifikasi penolakan tersebut.

SENARAI BUKTI :

1. [K0083_O01_OB04_OC03_20241_UiTMCNS_6.4.3.a Operasi.pdf](#)
2. [K0083_O01_OB04_OC03_20242_UiTMCNS_6.4.3.b Operasi.pdf](#)
3. [K0083_O01_OB04_OC03_20243_UiTMCNS_6.4.3.c Operasi.pdf](#)
4. [K0083_O01_OB04_OC03_20244_UiTMCNS_6.4.3.d Operasi.pdf](#)
5. [K0083_O01_OB04_OC03_20245_UiTMCNS_6.4.3.e Operasi.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pada tahun 2023, demi memastikan UiTMCNS sentiasa selari dengan aspirasi Universiti iaitu Globally Marketable, pemerksaan operasi bidang tumpuan menjadi salah satu matlamat dalam usaha menerapkan elemen kreatif dan inovatif dalam persembahan **SENI STAGE dan SENI GOAL**. Inovasi yang dihasilkan adalah melalui **kepelbagaian formasi tarian tradisional**, di mana elemen dan warisan kebudayaan Negeri Sembilan seperti tarian randai diketengahkan untuk dipersembahkan kepada masyarakat luar. Malah, hasil karya persembahan Randai Somondo yang dipersembahkan oleh pelajar UiTMCNS turut memperoleh hak cipta yang didaftarkan di bawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia seperti di Rajah 6.5.1 (UiTMCNS_6.5.a).

Di dalam elemen seni persembahan Randai Somondo tersebut, turut dipaparkan gabungan dialek minangkabau dan Negeri Sembilan yang menjadi keunikan dalam **mencerminkan identiti** setiap kaum di Malaysia. Ia boleh dilihat melalui penulisan skrip yang ditulis oleh Nor Muzdaliffah binti Mazlan seperti Rajah 6.5.2 (UiTMCNS_6.5.b).

Selain itu, UiTMCNS juga telah menjadi **rujukan pihak luar** di mana sesi perkongsian pengalaman dalam persembahan kebudayaan dan warisan telah diadakan melalui dua **sesi penanda aras** seperti di Rajah 6.5.3 dan Rajah 6.5.4 (UiTMCNS_6.5.c), iaitu Bengkel CSR Lestari Seni Abstrak dan Tepuk Amai-Amari daripada Kolej Vokasional Juasseh serta persembahan Randai Somondo di Dewan Annex, UiTM Shah Alam. Kedua-dua program ini membuktikan UiTMCNS sentiasa mendukung aktiviti-aktiviti yang boleh mengkomersialkan seni persembahan tradisional Negeri Sembilan serta warisan minangkabau agar ia kekal relevan dan tidak lapuk ditelan zaman.

Di samping itu, **pendekatan amalan kepimpinan** yang diterapkan oleh UiTMCNS juga berjaya memastikan aktiviti memartabatkan seni budaya dan warisan ini dapat dilaksanakan dengan cemerlang. Malah, sinergi yang wujud dalam di antara UiTMCNS dan pihak MBS seperti di Rajah 6.5.5 (UiTMCNS_6.5.d) juga sangat membantu dalam memastikan setiap aktiviti kebudayaan yang direncanakan dapat dilaksanakan dengan efektif dan efisien. Hal ini terbukti apabila Rektor UiTMCNS telah dijemput sebagai salah seorang panel forum program *Leadership Forum UiTM (LeadForUiTM2023)* bagi berkongsi amalan terbaik yang dipraktikkan di UiTMCNS berdasarkan kepada pencapaian prestasi universiti pada sukuan kedua (Q2) tahun 2023, seperti di Rajah 6.5.6 (UiTMCNS_6.5.e).

SENARAI BUKTI :

1. [K0083_O01_OB05_20241_UiTMCNS_6.5.a Operasi.pdf](#)
2. [K0083_O01_OB05_20242_UiTMCNS_6.5.b Operasi.pdf](#)
3. [K0083_O01_OB05_20243_UiTMCNS_6.5.c Operasi.pdf](#)
4. [K0083_O01_OB05_20244_UiTMCNS_6.5.d Operasi.pdf](#)
5. [K0083_O01_OB05_20245_UiTMCNS_6.5.e Operasi.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

UiTMCNS: Melakar Kecemerlangan Strategik dan Menyerlahkan Bakat Pelajar

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pendekatan *LeTCI* (*Level, Trend, Comparison, dan Importance*) telah digunakan untuk menilai pencapaian perancangan strategik UiTMCNS, khususnya dalam bidang pembangunan bakat pelajar yang diamanahkan kepada BHEP melalui program SENI GOAL dan SENI STAGE. Model Pembangunan Pelajar UiTMCNS 2023 berfungsi sebagai panduan untuk mencapai PI BHEP, dengan mengambil kira Gelombang *GRU 2023* (Kebolehpasaran Global). Melalui model ini, fokus pembangunan pelajar diberikan kepada Tema 2, yang menekankan Kecemerlangan Bakat.

Tahap (Le): Dua *PI* yang dipetakan kepada BHEP, selari dengan Tema 2 (Kecemerlangan Bakat), ialah PI036 (jumlah pelajar yang terlibat dalam program industri kreatif) dan PI032 (Jumlah pelajar yang terlibat dalam program antarabangsa yang dianjurkan oleh universiti, industri, atau institusi rakan). Untuk mencapai sasaran PI036, UiTMCNS telah menghantar pelajar menyertai pertandingan kebangsaan seperti Pertandingan Seni Warisan Randai dan Pertandingan SPEKTRA 2023. Langkah ini selari dengan Model Pembangunan Pelajar UiTMCNS 2023 yang menekankan kecemerlangan bakat. Selain itu, penglibatan pelajar dalam program antarabangsa bertujuan memenuhi *Pillar 2: Turning Globally Marketable Student* dan sebagai persediaan menuju *Globally Renowned Locally Rooted (2025)*. Pelajar UiTMCNS juga telah mewakili MBS dalam persembahan kebudayaan di peringkat antarabangsa, termasuk di Pesta Budaya Nusantara@Ipoh dan *Seremban Folk Fest 2023*.

Tren (T): Dari tahun 2021 hingga 2023, pencapaian PI036 menunjukkan penurunan pada tahun 2022 namun meningkat semula pada tahun 2023. Walaupun begitu, pencapaian sepanjang tiga tahun ini tetap melebihi sasaran 20 yang ditetapkan oleh BTU. Sebaliknya, pencapaian PI032 bagi tempoh yang sama menunjukkan tren meningkat secara konsisten dan juga melebihi sasaran. Selain itu, UiTMCNS telah mencapai penarafan enam (6) bintang selama empat tahun berturut-turut di bawah kepimpinan Prof. Dr. Yamin Yasin.

Perbandingan (C): Prof. Dr. Yamin Yasin telah dijemput sebagai Panel Forum dalam Program "*Leadership Forum UiTM (LeadForUiTM2023)*" sempena Sesi Pembentangan Pelaporan Pencapaian Prestasi Universiti Sukuan Kedua (Q2) Tahun 2023. Ini mengukuhkan reputasi kepemimpinan beliau yang berjaya meningkatkan pencapaian *KPI* UiTMCNS, menjadikan UiTMCNS sebagai penanda aras oleh UiTM secara keseluruhan. Pendekatan "Jana dan Jimat" serta slogan *#championstudents* dipilih sebagai strategi utama untuk memastikan perancangan dan pemantauan pencapaian strategik mengikut sasaran yang ditetapkan. Selain itu, pencapaian PI032 menunjukkan UiTMCNS mendahului dengan peratusan tertinggi penglibatan pelajar dalam program antarabangsa secara berturut-turut pada tahun 2021, 2022, dan 2023.

Kepentingan (I): UiTMCNS telah menerima Anugerah Tokoh Agensi Kerajaan daripada Majlis Bandaraya Seremban (MBS), yang mengiktiraf penganjuran program bersama MBS sebagai rakan kolaborasi strategik pada tahun 2023. Kerjasama ini juga menghasilkan dua Memorandum Persefahaman (*MoA*) antara MBS dan UiTMCNS, iaitu UiTM&MBS Citra Lorong Seni Seremban (UiTM&MBS@CLAS) dan UiTM&MBS Citra Santai Akademia 2023: Pesona Suara 2023. Di samping itu, UiTMCNS telah menunjukkan kecemerlangan dalam perancangan strategik 2023 dengan menerima enam anugerah pada 30 Mei 2024. Anugerah-anugerah tersebut termasuk Anugerah 6 Bintang (Kategori Cawangan), Anugerah *Transformasi Globally Marketable 2023* Penjana Pendapatan (Kategori Cawangan), Anugerah *Transformasi Globally Marketable 2023 Pillar 2 (Turning Globally Marketable Student)*: Tempat kedua (Peringkat Kampus), Anugerah *Transformasi Globally Marketable*

2020 (Tren) (Trend) (Trend); (Trend) (Trend) (Trend); dan Anugerah Pelan Tindakan Strategik Terbaik: *KPI* dan *SAP* Tinggi (Kategori Cawangan). Skrip Randai Somondo yang telah dihasilkan oleh pelajar telah didaftarkan sebagai hak cipta UiTM CNS.

7.1.2 TAHAP (Level)

BUKTI : [H1_K0083_HB02_20241_TAHAP_HASIL_1_PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_K0083_HB03_20242_TREN_HASIL_1_PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_K0083_HB04_20243_PERBANDINGAN_HASIL_1_PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_K0083_HB05_20244_KEPENTINGAN_HASIL_1_PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

UiTMCNS: Pemfokusan Pelbagai Kumpulan Pelanggan Adalah Momentum Kepada Peningkatan Ketampakan UiTMCNS Dalam Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bidang tujuhan yang dipilih ialah Kebudayaan, Kesenian dan Warisan yang telah memfokuskan kepada pelbagai kategori pelanggan UiTMCNS iaitu pelanggan dalaman (staf, pelajar), dan pelanggan luaran (alumni, industri, komuniti). UiTMCNS telah menggagaskan pencapaian prestasi melalui enam tiang utama iaitu Pillar 2023-2024, dengan penekanan yang khusus kepada pelanggan, terutamanya **Pillar 2: Turning Globally Marketable Student, Pillar 3: Turning Globally Marketable Staff (non-academic staff)**, dan **Pillar 4: Excellent Supporting Staff**.

Tahap (Le): Unit Kebudayaan BHEP memfokuskan kepada dua projek inisiatif industri kreatif bertonjakkakan kecemerlangan bakat iaitu **SENI GOAL** (peringkat antarabangsa) dan **SENI STAGE** (peringkat kebangsaan). Kedua-dua projek inisiatif ini dilaksanakan bagi mencapai sasaran dua *PI* iaitu PI036 (jumlah pelajar yang terlibat dalam program industri kreatif) dan PI032 (Jumlah pelajar yang terlibat dalam program antarabangsa yang dianjurkan oleh universiti, industri, atau institusi rakan). Senarai program yang diadakan di bawah projek **SENI GOAL** adalah *Seremban International Folk Fest*, Pesta Budaya Nusantara, Program Sukarelawan Hatyai dan Surabaya Uni Hasyim Asyaari/Pameran Produk Antarabangsa. Manakala projek **SENI STAGE** merangkumi program Pertandingan Seni Warisan Budaya Randai RTM 2023, Pesta Bola Program Perhimpunan Kawasaki 1400 GTR 2023, Program Pesona Seni, *Global Outreach Program (GOP)* UiTM Kampus Kuala Pilah, Sayembara Randai JKKN, Majlis Hi-Tea bersama Hospital CMH, Program Semarak Kasih bersama DYMM Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Sempena Hari Keputeraan ke75 DYMM Yang Dipertuan Besar N9, Sambutan Hari Merdeka Peringkat Negeri Sembilan, Jemputan Persembahan Program Bicara Seni dan Teater Randai.

Tren (T): Program-program di bawah projek **SENI GOAL** dan **SENI STAGE** telah berjaya menarik pelanggan dalaman, iaitu pelajar UiTMCNS dan staf (akademik, bukan akademik, dan staf sokongan), dan pelanggan luaran iaitu KPT, agensi kerajaan tempatan seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), institusi pendidikan dan pelajar (IPTA/IPTS), syarikat swasta/industri, serta komuniti setempat. Ini merupakan suatu peningkatan terhadap penyertaan pelanggan pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 dan 2021.

Perbandingan (C): Selain itu, projek **SENI GOAL** dan **SENI STAGE** telah menjadikan UiTMCNS sebagai penanda aras oleh UiTM secara keseluruhannya. Ini terbukti apabila Prof. Dr. Yamin Yasin telah dijemput sebagai Panel Forum Program "*Leadership Forum UiTM (LeadForUiTM2023)*" bersempena Sesi Pembentangan Pelaporan Pencapaian Prestasi Universiti Sukuan Kedua (Q2) Tahun 2023. Bukan hanya UiTM, UiTMCNS juga telah ditanda aras oleh organisasi luar seperti Kolej Vokasional Juasseh melalui Bengkel CSR Lestari Seni Abstrak dan Tepuk Amai-amai serta Sekolah Kebangsaan Senaling melalui jemputan kepada pelajar sebagai jurulatih tarian bagi persediaan pertandingan Ta'seem peringkat Negeri Sembilan 2024.

Kepentingan (I): Melalui program-program di bawah **SENI STAGE** dan **SENI GOAL**, kepakaran pelanggan dalaman iaitu staf (akademik dan bukan akademik) dan pelajar UiTMCNS terutama dari segi kebudayaan dan teater telah dipandang tinggi dan diiktirafkan oleh agensi luar. Ini dibuktikan melalui pengiktirafan oleh Majlis Bandaraya Seremban (MBS) di mana UiTMCNS, melalui Profesor Dr. Yamin Yasin telah dikurniakan **Anugerah Tokoh Agensi Kerajaan** atas penganjuran program bersama Majlis Bandaraya Seremban selaku rakan

kelembagaan strategis UNM untuk selanjutnya, dan sebagai pengingat UNM juga telah meluncurkan berbagai program-program seperti Pertandingan Seni Warisan Randai dan Program Spektra 2023.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_K0083_HB02_20241_TAHAP_HASIL 2_TUMPUAN PELANGGAN.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_K0083_HB03_20242_TREN_HASIL 2_TUMPUAN PELANGGAN.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_K0083_HB04_20243_PERBANDINGAN_HASIL 2_TUMPUAN PELANGGAN.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_K0083_HB05_20244_KEPENTINGAN_HASIL 2_TUMPUAN PELANGGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

UiTMCNS: PENJIMATAN, PERTANDINGAN DAN PENJANAAN MEMBANTU PERKEMBANGAN POSITIF KEWANGAN UNIVERSITI.

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bukan sahaja bertumpu dan bergantung kepada peruntukan yang diberikan saban tahun, Unit Kebudayaan BHEP UiTMCNS yang berfokus kepada seni dan aktiviti berteraskan kebudayaan dalam Projek Industri Kreatif berjaya mewujudkan dua projek besar; SENI GOAL dan SENI STAGE yang berjaya memberi pulangan kewangan yang positif melalui penjimatan, pertandingan dan penjanaaan. Pencapaian ini dimampangkan dengan hubungan strategik yang kukuh dengan agensi kerajaan dan swasta di dalam dan luar negara seiring dengan nilai UiTM dalam membina sinergi; kerjasama rapat untuk memaksimumkan produktiviti yang memberi manfaat kepada industri dan masyarakat.

Tahap (Le): PI036 (jumlah pelajar yang terlibat dalam program industri kreatif) dan PI032 (Jumlah pelajar yang terlibat dalam program antarabangsa yang dianjurkan oleh universiti, industri, atau institusi rakan) merupakan antara 2 *PI* yang dipetakan kepada BHEP. Bagi mencapai sasaran PI036, UiTMCNS telah menghantar pelajar menyertai pelbagai pertandingan seperti Pertandingan Seni Warisan Randai dan Pertandingan SPEKTRA 2023 yang melakar kejayaan pada peringkat Negeri Sembilan. Pelajar UiTMCNS juga telah menjayakan persembahan kebudayaan di peringkat antarabangsa, termasuk di Pesta Budaya Nusantara@Ipoh dan *Seremban Folk Fest 2023*. Langkah ini selari dengan Model Pembangunan Pelajar UiTMCNS 2023 yang menekankan kecemerlangan bakat.

Tren (T): Dari tahun 2021 hingga 2023, pulangan kewangan Unit Kebudayaan BHEP UiTMCNS meningkat dengan ketara dari segi penjimatan, pertandingan dan penjanaaan. Tiada hasil kewangan dari Unit Kebudayaan BHEP UiTMCNS pada tahun 2021 kerana negara dilanda pandemik Covid19. Namun, prestasi ini melonjak dengan jayanya pasca pandemik dan dibuktikan dengan kejayaan UiTMCNS merangkul Anugerah Transformasi Kecemerlangan Penjanaaan Pendapatan 2023 anjuran Bahagian Transformasi Universiti (BTU) dan Pejabat Naib Canselor pada 30 Mei 2024 yang lalu.

Perbandingan (C): Prof. Dr. Yamin Yasin telah dijemput sebagai Panel Forum dalam Program "*Leadership Forum UiTM (LeadForUiTM2023)*" sempena Sesi Pembentangan Pelaporan Pencapaian Prestasi Universiti Sukuan Kedua (Q2) Tahun 2023. Ini mengukuhkan reputasi kepimpinan beliau yang berjaya meningkatkan pencapaian *KPI* UiTMCNS, menjadikan UiTMCNS sebagai penanda aras oleh UiTM secara keseluruhan.

Keputusan (I): Hasil pencapaian kewangan Unit Kebudayaan BHEP UiTMCNS memberi impak positif kepada Pengurusan Tertinggi Jabatan (PTJ). Hadiah pertandingan memberi suntikan semangat untuk pelajar terus bergiat aktif dalam bidang kebudayaan bagi membantu BHEP UiTMCNS mencapai sasaran PI036. Secara tidak langsung juga, melalui penjimatan atas dana yang diberikan agensi luar dan penjanaaan atas jemputan persembahan, hal ini memberi impak kepada Universiti terutama dapat mencapai tahap Prestasi Indeks Bendahari UiTMCNS Hasil 74 (74913 Hasil Aktiviti Anjuran Agensi Luar).

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_K0083_HB02_20241_TAHAP_HASIL 3_KEWANGAN.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_K0083_HB03_20242_TREN_HASIL 3 KEWANGAN.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_K0083_HB04_20243_PERBANDINGAN_HASIL 3 KEWANGAN.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_K0083_HB05_20244_KEPENTINGAN_HASIL 3 KEWANGAN.pdf](#)